

**UNSUR-UNSUR ISLAM DALAM NOVEL**  
***PUTERI DUYUNG BERDASARKAN***  
**TEORI TAKMILAH**

**MASTURAH NABILAH BINTI MUHAMAD**

UNIVERSITI  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
KELANTAN  
2024



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**UNSUR-UNSUR ISLAM DALAM NOVEL *PUTERI DUYUNG***

**BERDASARKAN TEORI TAKMILAH**

**MASTURAH NABILAH BINTI MUHAMAD**

**C20A1032**

**Tesis yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada**

**syarat memperolehi ijazah Sarjana muda Pengajian Warisan**

**dengan kepujian**

**(Kesusasteraan Warisan)**

**2024**

## PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana universiti atau institusi.

- |                                     |         |  |
|-------------------------------------|---------|--|
| <input checked="" type="checkbox"/> | TERBUKA | Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)  |
| <input type="checkbox"/>            | SEKATAN | Saya bersetuju bahawa tesis ini boleh didapati sebagai naskhah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah |
| Dari tarikh.....sehingga.....       |         |  |
| <input type="checkbox"/>            | SULIT   | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)   |
| <input type="checkbox"/>            | TERHAD  | (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)  |

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.



---

Tandatangan

Tandatangan Penyelia

MASTURAH NABILAH BINTI MUHAMAD  
C20A1032  
Tarikh: 12 / 02 / 2023

DR. AFIDATUL SYAZWANI BINTI AFANDI  
Tarikh: 12/ 02 / 2023

## PENGHARGAAN

Syukur dan Alhamdulillah ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya saya berjaya menyiapkan penulisan ini dengan jayanya. Saya juga bersyukur kerana diberi ketabahan hati dalam menghadapi pelbagai rintangan dan dugaan sepanjang kajian ini dijalankan.

Ucapan ribuan terima kasih kepada para pensyarah terutamanya kepada Pn. Anis Binti Apandi dan Dr. Afidatul Syazwani Binti Afendi selaku penyelia manakala En.Sudirman Bin Kifflie selaku penilai bagi projek penyelidikan ini. Tanpa tunjuk ajar dan dorongan daripada mereka sudah pasti saya tidak mampu untuk menyiapkan penulisan ini dengan baik. Terima kasih di atas segala teguran dan nasihat yang diberikan selama proses kajian ini berlaku. Seterusnya ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya kerana memberi sokongan yang padu agar tidak berputus asa dan memberi kata-kata pembakar semangat kepada saya.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada kawan-kawan terdekat yang selalu ada dan membantu dalam menyelesaikan sebarang masalah yang berlaku semasa dalam proses penulisan ini. Mereka sanggup meluangkan masa dan berkongsi pendapat agar saya dapat menghasilkan penulisan ini dengan baik. Setiap bantuan serta kata-kata nasihat akan saya ingati selamanya. Terima kasih semua atas jasa dan pengorbanan selamat ini, akan saya kenang sehingga ke akhir usia.

Sekian, terima kasih.

Masturah Nabilah Binti Muhamad  
12 Februari 2024  
2 Syaaban 1445H

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	
<b>BAB 1: PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Skop dan Batasan Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.7.1 Individu	12
1.7.2 Masyarakat	12
1.7.3 Institusi	13
1.7.4 Negara	13
1.8 Definisi Operasional	14
1.8.1 Islam	14
1.8.2 Unsur Islam	15
1.9 Organisasi Bab	16
1.10 Rumusan	19
<b>BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Unsur-Unsur Islam	20
2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Novel	24
2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Takmilah	32
2.5 Rumusan	37

## **BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	38
3.2 Reka Bentuk Kajian	38
3.3 Kaedah Kajian	40
3.3.1 Kepustakaan	40
3.3.2 Analisis Tekstual	41
3.4 Proses Pengumpulan Data	42
3.5 Kaedah Analisis Data	42
3.5.1 Teoritikal	43
3.5.2 Struktural	46
3.6 Instrumen Kajian	47
3.7 Rumusan	48

## **BAB 4: ANALISIS KAJIAN**

4.1 Pengenalan	49
4.2 Unsur-Unsur Islam Dalam Novel Puteri Duyung	49
4.2.1 Penggunaan Nama Tokoh Ulama	49
4.2.2 Ucapan Astaghfirullah	51
4.2.3 Ucapan Assalamualaikum	52
4.2.4 Solat	54
4.2.5 Membaca Al-Quran	55
4.2.6 Adanya Batas Pergaulan	56
4.2.7 Doa	57
4.2.8 Kuliah Maghrib	58
4.3 Hubungkait Unsur-Unsur Islam Dalam Novel Puteri Duyung Menggunakan Teori Takmilah	59
4.3.1 Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat Kamal	59
4.3.2 Prinsip Keerasulan Sebagai Insan Kamil	65
4.3.3 Prinsip Keislaman Yang Bersifat Akmal	70
4.4 Kepentingan Unsur-Unsur Islam Dalam Karya Sastera	74
4.4.1 Sastera Sebagai Medium Dakwah	74
4.4.2 Unsur Islam Dapat Memberi Didikan Dan Bimbingan Kepada Pembaca	74
4.4.3 Memberi Pengajaran Dan Pedoman Kepada Masyarakat	75
4.4.4 Memupuk Semangat Kerohanian Kepada Masyarakat	75
4.4.5 Memartabatkan Agama Islam Pada Pandangan Dunia	76
4.5 Rumusan	77

## **BAB 5: RUMUSAN**

5.1 Pengenalan	78
5.2 Hasil perbincangan	78
5.3 Implikasi kajian	79
5.4 Cadangan	81
5.5 Rumusan	85
6.0 Rujukan	86.

## **UNSUR-UNSUR ISLAM DALAM NOVEL *PUTERI DUYUNG* BERDASARKAN TEORI TAKMILAH**

### **ABSTRAK**

Islam adalah sebuah agama yang sangat berpengaruh di dunia. Gelaran muslim diberikan kepada mereka yang beragama Islam. Seseorang muslim akan sedaya upaya melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan segala larangannya. Kajian ini berpaksikan kepada tiga objektif iaitu mengenalpasti unsur-unsur Islam yang terdapat dalam novel Puteri Duyung, menganalisis unsur-unsur Islam dalam novel Puteri Duyung yang dikaitkan dengan Teori Takmilah dan menganalisis kepentingan unsur-unsur Islam diterapkan dalam karya sastera. Teori Takmilah digunakan sebagai satu sokongan untuk memperkuatkan bahagian analisis hujahan. Kajian ini dapat menyedarkan pembaca betapa pentingnya seseorang muslim menerapkan sifat mahmudah dalam kehidupan seharian. Seterusnya, pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini seperti kaedah pembacaan teks dan juga kepustakaan untuk mendapatkan data yang sahih dan tepat. Kajian yang dilaksanakan dapat membuka mata mengenai unsur-unsur Islam seperti penggunaan nama tokoh ulama, ucapan Astaghfirullah, ucapan Assalamualaikum, solat, membaca al-Quran, adanya batas pergaulan, doa, dan juga kuliah maghrib. Hasil kajian membuktikan bahawa novel yang dikaji banyak dengan unsur-unsur Islam yang dapat membimbing khalayak ke arah yang lebih baik.

**Kata Kunci dan Frasa:** Unsur-Unsur Islam, Novel, Teori Takmilah

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **ISLAMIC ELEMENTS IN THE *MERMAID PRINCESS* NOVEL BASED ON TAKMILAH THEORY**

### **ABSTRACT**

Islam is a very influential religion in the world. The title of Muslim is given to those who are Muslim. A Muslim will make every effort to carry out God's commands and leave all his prohibitions. This study focuses on three objectives, which are to identify Islamic elements found in Puteri Duyung's novel, analyze Islamic elements in Puteri Duyung's novel that are linked to Takmilah Theory and analyze the importance of Islamic elements applied in literary works. Takmilah's theory is used as a support to strengthen the analysis part of the argument. This study can make readers aware of how important it is for a Muslim to apply the character of mahmudah in daily life. Next, a qualitative approach is used in this study such as text reading and bibliographic methods to obtain authentic and accurate data. The study carried out can open the eyes about the elements of Islam such as the use of the names of scholars, the Astaghfirullah speech, the Assalamualaikum speech, prayer, reading the Quran, the existence of social limits, prayer, and even the Maghrib lecture. The results of the study prove that there are many novels with Islamic elements that can guide the audience in a better direction.

**Keywords and Phrases:** Elements of Islam, Novels, Takmilah Theory

UNIVERSITI  
—  
MALAYSIA  
—  
KELANTAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### **1.1 Pengenalan**

Kesusasteraan Melayu adalah hasil karya serta satu ciptaan seni yang ada dalam masyarakat Melayu. Ia juga dapat ditakrifkan sebagai satu bentuk ciptaan seni di mana penyampaiannya adalah menggunakan bahasa. Sastera juga dikaitkan dengan seni bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana sastera adalah satu ucapan ataupun kata-kata spontan yang disampaikan melalui perasaan yang sangat dalam. Menurut pandangan tokoh, iaitu Ismail Hussein (1998:22) kesusasteraan terdiri dari pelbagai aspek di mana ia menggunakan kata dan bahasa yang sangat kreatif. Pandangan M.K Danziger & W.S Johnson (1983:2) pula, sastera ialah penggunaan kata-kata yang bersifat seni iaitu sama ada secara percakapan mahupun secara tulisan. Karya sastera mempunyai fungsi dan peranannya yang tersendiri. Antaranya ialah sebagai alat untuk mendidik serta mengajar khalayak mahupun pembaca. Mengajar adalah satu bentuk pengetahuan yang diberi melalui penyampaian. Melalui ilmu yang diperoleh dari hasil pembelajaran, secara tidak langsung ia dapat memberi kefahaman dan pengetahuan baru kepada khalayak. Karya sastera terdiri daripada pelbagai genre seperti drama, komedi, pementasan, buku majalah dan juga novel. Pembentukan karya sastera mempunyai pelbagai pengaruh seperti pengaruh teknologi, media massa, media elektronik dan tidak terkecuali pengaruh agama seperti pengaruh Agama Islam.

Definisi Islam ialah "penyerahan", atau dapat juga disebut sebagai penyerahan diri secara sepenuhnya hanya kepada Allah. Mereka yang menganut agama Islam dikenali sebagai Muslim. Muslim ialah istilah yang bermaksud "seorang yang tunduk." Seseorang muslim akan percaya bahawa Allah itu Esa dan menyembah Tuhan adalah matlamat utama dalam hidup. Seseorang yang menganut agama Islam juga akan percaya bahawa Islam merupakan agama yang benar dan perlu diikuti oleh orang-orang muslim. Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2019), mendefinisikan Islam adalah agama yang benar di sisi Allah dan juga agama bagi seluruh umat Islam yang disebut sebagai Muslim. Islam juga adalah agama yang memberi ajaran berkaitan konsep akhlak, dan ianya tidak berfokus hanya kepada aspek kepercayaan semata-mata. Menurut Abu Al-Ālā Al-Maudūdī (1985) pula, Islam bermaksud tunduk dan patuh terhadap perintah Allah iaitu dengan cara meninggalkan segala larangan-Nya.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:590) Islam adalah agama yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW, dan orang yang beragama Islam iaitu digelar sebagai umat akan mengamalkan rukun Islam yang terdiri daripada lima perkara yang wajib diketahui dan diamalkan oleh umat Islam. Manakala, menurut buku al-Ta’rifat karya al-Jurjanji, Islam diertikan sebagai kerendahan dan ketundukan terhadap sesuatu perkara yang disampaikan oleh Rasulullah SAW. Pemaknaan Islam menurut al-Jurjanji lebih kepada maksud dari segi bahasa. Menurut Abdul Karim Zaidan (2000:5) pula, dalam Ushul al-Dakwah terdapat banyak paparan pengertian berkaitan Islam. Salah satu definisi Islam menurut beliau, Islam adalah satu syahadah di mana tiada tuhan melainkan Allah dan nabi Muhammad adalah Rasullullah, perlu

mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan ibadah haji.

Selain itu, Islam berasal dari bahasa arab yang bermaksud sejahtera , aman, harmoni manakala dari segi istilah pula bermaksud menyerah diri kepada Pencipta yang Maha Berkuasa serta mentauhidkannya dengan penuh keyakinan dan melaksanakan segala suruhan serta meninggalkan larangannya. Islam ialah agama ciptaan Allah yang lengkap dan sempurna dari segi peraturan mahupun undang-undang yang mana merangkumi penyusunan kehidupan manusia, samada secara individu, kekeluargaan, kemasyarakatan dan juga kenegaraan. Tidak terkecuali hubungan manusia terhadap Tuhan dan manusia terhadap alam sekitar dalam memastikan kehidupan yang sejahtera, selamat, sempurna dan bahagia dunia akhirat. Salah satu yang dapat kita kaitkan dengan agama Islam ialah unsur Islam.

Menurut Saiful Mujani (2007:217) unsur-unsur Islam adalah salah satu bentuk ibadah sunnah yang mampu membentuk identiti seseorang ke arah yang lebih baik. Antara unsur Islam yang boleh dilihat adalah melalui konsep "Ad-Dinn" . "Ad-Dinn" sebagai gelaran untuk Islam dimana ianya mampu memberi tunjuk ajar dan galakan kepada umatnya supaya berfikiran jauh agar ianya seimbang akan kepentingan dunia dan akhirat secara saksama. Islam sangat mementingkan jasmani, rohani, agama serta kemajuan samada dunia mahupun akhirat. Kata 'Ad-Dinn" jika dirujuk dalam bahasa arab membawa erti agama. Agama adalah satu pegangan dan peraturan kehidupan iaitu dari segi bentuk hidup dan cara hidup. Islam adalah satu agama dan setiap agama yang ada tidak semuanya Islam. Perkataan agama dan Islam jika digabungkan akan

menjadi dua perkataan iaitu Agama Islam yang memberi maksud satu pegangan hidup mahupun cara hidup yang mampu menjamin keselamatan dunia dan akhirat. Firman Allah dalam surah Al-Imran ayat 19, "Sesungguhnya agama di sisi Allah ialah Islam. Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (al-Attas), (2019:38-39) Islam adalah agama yang benar di sisi Allah dan agama bagi umat Islam yang digelar sebagai Muslim. Malah Islam juga merupakan agama yang mengajarkan konsep akhlak, bukan berfokus kepada aspek kepercayaan sahaja.

Seterusnya, unsur Islam juga merujuk kepada prinsip, nilai, ajaran, dan praktik yang berasal dari agama Islam. Islam adalah agama yang didasarkan pada wahyu Allah yang terungkap dalam Al-Quran, dan dianggap sebagai kitab suci dalam Islam, serta ajaran dan contoh-contoh yang diberikan oleh Nabi Muhammad melalui hadis (tradisi atau perkataan beliau). Unsur-unsur Islam mencakupi pelbagai aspek kehidupan, termasuk keimanan, ibadah, etika, hukum, sosial, dan budaya. Sejak kebelakangan ini, isu berkaitan dengan masalah sosial sering dipaparkan di media sosial mahupun media massa. Keadaan ini menunjukkan bahawa penerapan unsur Islam dalam diri masyarakat masih kurang. Oleh itu, penelitian terhadap unsur Islam dikaji. Seterusnya, bagi memberi pengajaran dan didikan kepada masyarakat, unsur Islam telah dipaparkan di pelbagai media terutamanya dalam penulisan sastera. Novel Puteri Duyung karya Muhamad Jusuh adalah salah satu teks sastera yang memaparkan unsur Islam dalam kehidupan manusia. Terdapat beberapa unsur Islam yang telah ditonjolkan dalam novel ini antaranya ialah zikir, solat, menuntut ilmu, mengajak ke arah kebaikan, bersyukur, berdoa dan tahlil. Teori yang digunakan ialah teori Takmilah. Teori Takmilah diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar yang

mengangkat sifat Kamal Allah dengan prinsip-prinsip yang akan digunakan untuk meneliti novel Puteri Duyung. Bagi metodologi kajian, saya menggunakan kaedah kualitatif.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Novel Puteri Duyung karya Mohamed Jusoh merupakan sebuah novel yang dipilih untuk dijadikan bahan kajian. Novel Puteri Duyung diterbitkan buat kali pertama ialah pada tahun 2020 oleh Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd, dan masih lagi baru dalam dunia kesusastraan. Mohamed Jusoh mempunyai pengalaman yang sangat luas dalam bidang penulisan kerana telah berjaya menerbitkan lebih 30 buah buku. Beliau juga telah dikurniakan dengan beberapa jenis anugerah seperti Anugerah Wartawan Sejarah dan Pelancongan Terbaik pada awal tahun 80-an. Hadiah Karya Sastera Darul Iman (2013) bagi karya "Misteri Gua Taat, Anugerah Tokoh Wartawan oleh Mantan Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Haji Ahmad Said (2010), serta Anugerah Tokoh Wartawan dan Komunikasi oleh Dato' Haji Ahmad RazifbAbdul Rahman (2015).

Novel Puteri Duyung berlatarkan kehidupan seorang remaja lelaki yang amat mencintai sejarah Islam. Minatnya terhadap sejarah Islam menyebabkan dia tidak pernah berputus asa untuk mendalami ilmu agama melalui guru di sekolah dan juga para alim ulama. Kekeliruan terhadap kefahaman sejarah yang dipelajari di sekolah dan juga melalui tok guru iaitu Imam masjid menjadikan dia bersemangat untuk mempelajari subjek sejarah dengan lebih terperinci. Melalui novel ini jugak terdapat

banyak hadis dan juga dialog bagi menggambarkan situasi tersebut. Terdapat juga watak-watak sampingan bagi meriahkan lagi teknik penulisan.

Selain itu, watak dalam novel ini banyak menonjolkan perilaku yang baik dan bersifat mahmudah. Setiap tutur kata dan juga tindakan yang dilakukan memberi aura positif kepada pembaca. Pelbagai ujian dan kisah hidup yang perlu dilalui oleh watak utama bagi menjayakan apa yang diimpikan olehnya itu tercapai. Pengalaman dan minat yang mendalam terhadap sejarah akhirnya mendatangkan hasil yang baik. Sesungguhnya untuk mencapai sesuatu yang diimpikan tidak semudah yang dijangka. Pengorbanan dan masa itu penting dalam memastikan hasrat utama dapat dicapai dengan baik.

Novel Puteri Duyung adalah nama sempena Sekolah Kebangsaan Duyung yang menjadi lokasi utama dalam penceritaan ini. Terdapat kisah sejarah Islam mengenai Puteri Duyung yang menjadi nama tempat bagi kawasan tersebut. Pemaparan unsur-unsur Islam banyak dapat dilihat melalui petikan dalam novel ini dan sesui dibaca untuk semua peringkat umur. penceritaan dalam novel ini sangat berkait rapat dengan keislaman, memandangkan ianya banyak menggunakan hadis nabi, dan juga alim ulama dalam penyampaian sesuatu maklumat. Oleh itu, pembacaan novel ini mampu memberi pengetahuan am kepada pembaca agar lebih mengenali tokoh ulama suatu masa dahulu. Jalan penceritaan menggunakan bahasa yang mudah difahami dan kisah melibatkan perjuangan anak muda dalam mengejar impian bagi mendalami ilmu sejarah Islam .

Kajian ini menggunakan Teori Takmilah iaitu sebuah teori sastera islami yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar (1993) sebagai alternatif kepada teori-teori sastera sedia ada yang diasaskan atau dipengaruhi oleh sarjana-sarjana barat. Teori ini melihat karya sastera melalui tujuh prinsip Pertama, prinsip ketuhanan yang bersifat sempurna (kamal). Kedua, prinsip kerasulan sebagai insan sempurna (kamil). Ketiga, prinsip keislaman yang bersifat paling sempurna (akmal). Keempat, prinsip ilmu dan sastra yang saling menyempurnakan (takamul). Kelima, prinsip sastra yang berciri estetik dan bersifat ke arah kesempurnaan (takmilah). Keenam, prinsip pengarang yang harus menyempurnakan diri (istikmal). Ketujuh, prinsip khalayak (pembaca) ke arah insan sempurna (kamil).

### **1.3 Penyataan Masalah**

Pernyataan masalah atau "problem statement" merujuk kepada beberapa perkara yang boleh dibuktikan benar atau salah. Pernyataan masalah boleh merumuskan kepada persoalan kajian yang perlu diselesaikan oleh penyelidik. Pernyataan masalah bukan sahaja harus memberikan penyelesaian, tetapi ia juga memberikan kesimpulan untuk menyokong penyelidikan dan menjadikan ia lebih terperinci. Pemilihan masalah kajian perlu relevan dengan bidang kajian dan merupakan sesuatu isu yang diminati pengkaji untuk diterokai (Noraini Idris, 2013). Menurut Gay dan Airasian (2003), suatu masalah kajian itu menjadi tunjang kepada struktur kajian dan proses seterusnya. Sekiranya pengkaji tidak menemui permasalahan kajian maka penyelidikan tidak dapat dilakukan.

Selain itu, dunia juga sering mempunyai satu pandangan yang negatif terhadap agama Islam. Mereka tidak menyedari bahawa agama Islam sebenarnya adalah sebuah agama yang sangat cinta akan keharmonian. Hal ini dikatakan demikian kerana, Islam mengajar pendidikan Islam dan semestinya amat mementingkat unsur-unsur Islam yang positif dalam kehidupan. Namun begitu, terdapat sebilangan orang yang berpandangan negatif terhadap agama Islam sehingga menyebabkan dia sendiri mengalami fobia terhadap agama Islam. Menurut Aziz, (2016:92) kurangnya pemahaman tentang ajaran Islam menyebabkan seseorang individu itu mengalami fanatik dengan agama Islam. Maka, wajarlah penerapan unsur-unsur Islam yang positif dalam kehidupan. Manakala menurut Apriliani & Rosyad, (2021:93) islamphobia lahir menerusi keasalahfahaman masyarakat dalam mentafsir konsep Islam. Keadaan ini menyebabkan mereka menganggap Islam adalah agama yang buruk dan terpesong. Kesalahfahaman yang dialami oleh masyarakat Islam sendiri menjadi titik tolak kepada agama bukan Islam beranggapan Islam bukan agama yang baik. Oleh itu, perlunya pembelajaran agar minda masyarakat terbuka luas dan dapat membuat keputusan dengan baik sebelum melakukan sebarang tindakan.

Akhir sekali, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kajian berkaitan dengan unsur Islam dalam novel yang masih belum diterokai secara menyeluruh. Kajian yang dilaksanakan masih mempunyai kelomongan dan kurang menyerlah. Terdapat beberapa pengkaji yang membuat penelitian terhadap unsur Islam seperti Hilmy Mahya Masyuhada dan Elen Iderasari (2020) yang bertajuk Representasi Akidah Dan Syariat Islam Dalam Novel I Am Sarahza Karya Hanum Salsabiela Dan Rangga

Almahendra. Lailul Anshari (2018) yang bertajuk Analisis Unsur Sejarah Islam Dalam Novel Khadijah: Ketika Rahasia Mim Tersingkap Karya Sibel Eraslan. Keadaan ini menunjukkan bahawa kajian yang berfokus kepada unsur Islam secara umum sudah banyak dikaji. Namun begitu, memandang novel yang dipilih adalah terbitan terbaru, jadi masih belum ada kajian yang dilakukan terhadap novel ini. Oleh itu, pengkaji tertarik untuk membuat kajian terhadap novel ini dan cuba menyelesaikan kajian ini dengan sebaik mungkin menggunakan Teori Takmilah.



## **1.4 Persoalan Kajian**

Secara umumnya, persoalan yang cuba dijawab oleh kajian ini diiringi seperti berikut :

1. Apakah unsur-unsur Islam yang terdapat dalam novel Puteri Duyung ?
2. Bagaimanakah unsur-unsur Islam dalam novel Puteri Duyung yang dikaitkan dengan Teori Takmilah?
3. Bagaimanakah kepentingan unsur-unsur Islam diterapkan dalam karya sastera?

## **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini didasarkan kepada beberapa objektif utama iaitu :

1. Mengenalpasti unsur-unsur Islam yang terdapat dalam novel Puteri Duyung.
2. Menganalisis unsur-unsur Islam dalam novel Puteri Duyung yang dikaitkan dengan Teori Takmilah.
3. Menganalisis kepentingan unsur-unsur Islam diterapkan dalam karya sastera.

## **1.6 Skop Kajian**

Skop kajian ini berfokus kepada penerangan ringkas terhadap kajian yang dijalankan. Tajuk kajian ialah Unsur Islam Dalam Novel Puteri Duyung: Analisis Teori Takmilah. Novel ini merupakan hasil karya Mohamed Jusoh. Selain itu, kajian ini juga telah menggunakan pengaplikasian teori Takmilah. Teori Takmilah telah diasaskan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996. Teori ini yang akan digunakan untuk mengenalpasti fungsi Islam yang terdapat dalam novel Puteri Duyung karya Mohamed Jusoh. Berdasarkan teori Takmilah ini, terdapat tujuh prinsip yang telah dikemukakan oleh pengasasas. Namun begitu, bagi penganalisisan kajian ini, pengkaji hanya menggunakan tiga prinsipi sahaja iaitu prinsip pertama ketuhanan yang bersifat Akmal, prinsip kedua kerasulan sebagai insan Kamil dan prinsip ,ketiga iaitu ,keislaman yang bersifat Akmal. Seterusnya, kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif sebagai pelengkap dalam menyiapkan kajian ini. Kaedah yang digunakan adalah kaedah kepustakaan, kaedah intertekstualiti, kaedah laman sesawang untuk pencarian maklumat bahan ilmiah dan yang terakhir ialah penggunaan Teori Takmilah yang mana teori ini diasaskan oleh Syafie Abu Bakar sekitar tahun (1992). Kaedah yang dinyatakan di atas akan digunakan sepanjang proses pengumpulan dan proses menganalisis data bagi sebarang maklumat berkaitan fungsi Islam. Pembacaan dan penelitian juga turut dilaksanakan untuk mendapat data yang tepat. Kajian ini telah dibataskan untuk mengenalpasti unsur Islam yang terdapat dalam novel Puteri Duyung. Rentetan daripada itu, fokus utama kajian adalah tertumpu kepada unsur Islam yang akan dikupas melalui analisis nanti.

## **1.7 Kepentingan Kajian**

### **1.7.1 Individu**

Kajian ini amat penting kepada individu agar sentiasa menerapkan sifat mahmudah dalam kehidupan seharian. Islam mengajar manusia supaya bekelakuan baik dan menjauhi kelakuan yang negatif atau bertentangan dengan ajaran Islam. Sifat dan kelakuan positif seseorang dapat menjadikan seseorang itu insan yang berakhhlak baik, berbudi pekerti. Unsur Islam yang ada pada novel Puteri Duyung dapat membantu seseorang individu menerapkan akhlak yang baik dalam kehidupan seharian.

### **1.7.2 Masyarakat**

Seterusnya, kajian ini juga amat penting kepada masyarakat. Keadaan ini disebabkan melalui kajian ini, ianya dapat memupuk kesan positif dalam diri masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, unsur Islam yang terdapat dalam novel Puteri Duyung dapat membentuk masyarakat yang berakhhlak baik dari segi keperibadian dan tingkah laku dalam membentuk pembangunan moral. Seterusnya, novel yang digunakan ini amat sesuai dijadikan bahan tanbah untuk bacaan kerana isi kandungan daripada novel tersebut banyak menonjolkan nilai dan juga pengajaran bagi pembentukan jati diri masyarakat yang positif serta mampu melahirkan generasi yang cinta akan ilmu dan lebih terdidik kerana didikan yang diperoleh sangat berkualiti. Oleh itu, hasil yang

diperoleh daripada kajian mampu memberikan didikan dalam kalangan masyarakat terhadap penerapan nilai pengajaran yang diperoleh daripada novel Islamik.

### **1.7.3 Institusi**

Kajian ini adalah penting dalam bidang sastera, dengan adanya kajian ini, secara tidak langsung ia dapat memperbanyakkan lagi hasil karya islamik. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila sesebuah novel dipilih untuk dikaji, maka masyarakat akan mula mengenali novel tersebut. Melalui penyampaian yang mudah difahami dan penulisan yang baik maka masyarakat akan mula berminat untuk mendalami isi kandungannya. Rentetan daripada itu, permintaan terhadap novel Islamik akan semakin bertambah. Bukan itu sahaja, malahan ia juga membawa kesan positif pada diri pembaca.

### **1.7.4 Negara**

Akhir sekali, kajian ini juga sangat penting kepada negara kerana ianya dapat membentuk pembangunan insaniah. Negara boleh membangun tamadun dengan baik apabila masyarakat boleh memahami peranan masing-masing sebagai umat dengan mengekalkan unsur-unsur Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana, ia dapat mengubah masyarakat ke arah yang lebih baik iaitu perkembangan dari segi fizikal dan rohani. Azura binti Awang, 2013,p1 menyatakan bahawa elemen penting dalam membangunkan masyarakat ialah

melalui pembangunan insan yang mana ianya adalah laluan utama yang perlu diterapkan dalam diri setiap masyarakat. Pembangunan insan menjurus kepada akhlak, dan secara keseluruhan ianya teratur mengikut ajaran agama Islam. Akhlak yang dimaksudkan ialah bersifat jujur, amanah terhadap tanggungjawab yang diberikan, prihatin dan juga sikap tolong menolong. Sebagaimana yang diketahui pembangunan insan adalah satu proses bagi melahirkan masyarakat yang bertaqwah. Jadi melalui kajian unsur-unsur Islam secara tidak langsung masyarakat dapat menerapkan unsur Islam yang baik dalam diri melalui konteks penyampaian dalam sesbuah teks yang berunsur islamik membolehkan masyarakat berfikir dengan akal yang waras seseputu yang diperkatakan.

## **1.8 Definisi Operasional**

### **1.8.1 Islam**

Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2019), mendefinisikan Islam adalah agama yang benar di sisi Allah dan juga agama bagi seluruh umat Islam yang disebut sebagai Muslim. Islam juga adalah agama yang memberi ajaran berkaitan konsep akhlak, dan ianya tidak berfokus hanya kepada aspek kepercayaan semata-mata.

Selain itu, menurut Abdul Karim Zaidan (2000:5), dalam Ushul al-Dakwah terdapat banyak paparan pengertian berkaitan Islam. Salah satu definisi Islam menurut beliau, Islam adalah satu syahadah di mana tiada tuhan melainkan

Allah dan nabi Muhammad adalah Rasullullah, perlu mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa di bulan Ramadhan dan menunaikan ibadah haji.

Raha Bistara (2020: 113) Islam sebagai agama yang terakhir di muka bumi tentunya memiliki ajaran yang patut dipatuhi oleh ummatnya. Islam mengarahkan ummatnya untuk mempelajari segala jenis keilmuan untuk kepentingan sosial.

Pengkaji telah memiliki pendapat daripada Syed Muhammad Naquib Al-Attas berkaitan dengan makna Islam

### **1.8.2 Unsur Islam**

Unsur Islam adalah elemen-elemen yang membentuk agama Islam dan menjadikan ia sebagai sumber ajaran dan amalan bagi umat Islam. Menurut Ab Aziz Omar (2012) telah menyatakan bahawa unsur Islam adalah perbuatan, amalan, ungkapan, tindakan, niat manusia, konsep dosa pahala, hadis, ayat-ayat al-Quran dan sebagainya yang boleh dikaitkan langsung dan tidak langsung dengan agama Islam.

Selain itu, menurut Atira Nor (2015) menyatakan bahawa unsur Islam merupakan satu pengaruh besar kepada masyarakat dan tamadun Islam itu sendiri.

Di samping itu, menurut Siti Munirah Binti Sayuti (2023) juga menyatakan bahawa unsur Islam merupakan satu perkara yang mempengaruhi kehidupan seharian manusia. Berdasarkan pernyataan para sarjana di atas dapat disimpulkan bahawa unsur-unsur Islam sangat penting kerana ia mengajar orang ramai untuk mengikuti perintah Allah SWT dan meninggalkan semua larangannya.

Pengkaji telah memilih pendapat daripada Ab Aziz Omar berkaitan dengan kefahaman unsur Islam yang berkaitan dengan kajian pengkaji.

## **1.9 Organisasi Bab**

### **Bab Satu**

Pengkaji memulakan penulisan dengan pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian, definisi operasional, organisasi bab dan akhir sekali ialah rumusan. Dalam bab 1 ini, ia akan menerangkan dengan lebih lanjut berkaitan dengan keseluruhan penghasilan penulisan kajian ini dijalankan.

## **Bab Dua**

Bab ini membincangkan berkaitan dengan tinjauan literatur. Bahagian ini akan berfokus kepada kajian-kajian lepas yang dikaji oleh pengkaji terdahulu. Pada penulisan bab 2 ini, pengkaji akan meneliti dengan lebih mendalam terhadap kajian-kajian yang dihasilkan oleh para sarjana terdahulu. Proses pembacaan dan penelitian akan menentukan sama ada kajian sebelum ini mengenai unsur-unsur Islam pernah dikaji atau belum oleh sarjana lepas. Setiap maklumat penting daripada kajian ini akan diguna sebagai sumber maklumat bagi memberi kefahaman terhadap kajian. Terdapat beberapa sorotan kajian lepas yang dapat dijadikan rujukan kerana bersesuaian dengan tajuk yang dikaji. Dalam pada itu, kajian literatur pada bab ini akan dibahagikan kepada tiga pecahan iaitu merujuk kepada unsur-unsur Islam, novel dan juga teori Takmilah.

## **Bab Tiga**

Pada bahagian bab tiga akan membincangkan mengenai metodologi kajian yang berkaitan dengan kaedah yang akan digunakan melibatkan rekabentuk, kaedah yang digunakan, proses pengumpulan data, kaedah analisis data dan instrumen yang akan diterangkan melalui kajian ini. Kajian yang dilakukan melalui beberapa proses dapat mengukuhkan lagi dapatan hasil kajian. Kajian yang dilaksanakan ini akan berpandukan kepada kaedah kualitatif seperti kaedah analisis teks dan kaedah

kepustakaan. Seterusnya teori Takmilah akan diterapkan dalam kajian agar penghasilan analisis dan dapatan kajian adalah lengkap, kemas dan padat.

## **Bab Empat**

Bahagian bab empat akan membincangkan serta menjelaskan berkaitan dapatan kajian yang telah dilaksanakan. Pengkaji telah menganalisis dapatan kajian yang diperoleh melalui kajian terhadap analisis teks di dalam novel Puteri Duyung karya Mohamed Jusoh. Pengkaji telah mendapati terdapat unsur-unsur Islam dalam teks tersebut dan telah dianalisis menggunakan teori Takmilah. Unsur-unsur Islam merupakan sesuatu nilai yang baik ataupun perkara yang berkaitan dengan keagamaan yang mampu memantapkan iman dan memberi tingkah laku yang positif pada masyarakat.

## **Bab Lima**

Bahagian bab lima pula, merupakan kesimpulan pada akhir kajian yang akan dijalankan ini. Pada bahagian ini pengkaji akan merumuskan secara keseluruhan berkaitan kesimpulan yang telah didapati semasa kajian ini dijalankan berdasarkan kepada objektif kajian yang digunakan pada peringkat awal kajian ini dijalankan. Bahagian ini juga akan menghuraikan tentang, implikasi kajian, cadangan, hasil perbincangan dan rumusan secara menyeluruh.

## **1.10 Rumusan**

Kesimpulannya, penerapan unsur Islam dalam novel Puteri Duyung karya Mohamed Jusoh mampu memaparkan. Secara keseluruhan, pengkaji telah meneliti serta menghayati setiap teks yang dikarang oleh Muhammad Jusoh dan telah menjumpai banyak unsur Islam dalam novel Puteri Duyung. Jika diteliti dan mengamati setiap helaian teks, pengkaji berasa sungguh teruja dalam memahami setiap ayat yang dilontarkan rapi dan kemas oleh penulis. Pengkaji mendapati bahawa novel ini sesuai dijadikan bahan bacaan kepada semua peringkat umur terutamanya dalam kalangan remaja. Hal ini kerana, novel ini banyak menceritakan tentang tokoh-tokoh Islam yang mampu memberi pengetahuan baru kepada pembaca sebagai salah satu bentuk pendidikan yang sangat bermakna kerana mampu memberi nilai yang baik dan mesej melalui jalan penceritaan yang disampaikan kepada pembaca. Secara kesimpulan kecil, dapatlah pengkaji simpulkan bahawa unsur Islam ini dapat mendidik manusia untuk lebih berbuat baik selain itu bagi melahirkan golongan remaja yang cendekiawan kerana golongan remaja adalah pewaris negara suatu masa nanti. Justeru amat penting penerapan unsur Islam agar negara dapat ditadbir dengan adil dan saksama.

## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Pengenalan

Keseluruhannya, bab ini menyimpulkan berkaitan penelitian terhadap kajian-kajian lepas tujuannya adalah sebagai sumber rujukan serta panduan bagi menyiapkan tugas ini. Selain itu, melalui kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh para sarjana dapat kita lihat adanya beberapa kelomongan yang menyebabkan pengkaji terdorong untuk melaksanakan kajian ini. Kajian terhadap Unsur Islam dalam novel Puteri Duyung haruslah diterokai secara lebih mendalam kerana novel ini masih belum dikaji memandangkan ianya merupakan keluaran terbaru.

#### 2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Unsur Islam

Menerusi jurnal yang dihasilkan oleh Mohd Hasanuddin Mohd Yusuf, et.al (2021) yang bertajuk *Unsur-unsur Keislaman Pada Meriam Tradisional Melayu*. Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan pemerhatian di lapangan. Kajian ini dilakukan bagi meneliti dan juga menganalisis unsur keislaman yang terdapat pada meriam tradisional Melayu. Hasil kajian ini mendapati bahawa antara unsur Islam yang terdapat pada meriam tradisional Melayu adalah seperti kalimah tauhid, doa serta pujian pada Allah, seruan jihad, penanggalan kalender Islam, pedang Zul Fiqar dan wafaq. Keadaan ini membuktikan bahawa unsur Islam pada masa itu telah larut dan menyatu dengan budaya masyarakat Melayu.

Selain itu, artikel yang telah dihasilkan oleh Norhasnira Ibrahim dan Faisal Ahmad Shah (2019) yang bertajuk *Penerapan Unsur Islam Dalam Penulisan Naskhah Manuskrip Melayu*. kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji kronologi ringkas berkaitan sejarah penulisan manuskrip Melayu di Nusantara serta menyenaraikan unsur agama Islam dalam penulisan manuskrip Melayu secara umum. Kajian ini adalah berbentuk kajian kepustakaan iaitu menghimpunkan segala maklumat berkaitan tajuk kajian yang diperolehi daripada sumber bertulis dan juga elektronik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat banyak unsur ajaran Islam terutamanya daripada ayat-ayat suci al-Quran dan juga hadith Rasulullah SAW yang dijadikan sebagai panduan dalam penulisan manuskrip Melayu. Terdapat pelbagai genre seperti agama, hikayat, sejarah, kanun (undang-undang) dan juga perubatan tradisional Melayu yang dihasilkan pada kurun ke-16 hingga 20 masihi. Kajian ini berhasil mengenalpasti unsur Islam dalam manuskrip menerusi ayat-ayat al-quran

Seterusnya, jurnal yang dihasilkan oleh Suraiya Osman, et.al (2019), yang bertajuk *Penggunaan Unsur Islam Dalam perniagaan: Analisis Dari Perpspektif Syariah*. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui kedudukan dan perspektif syariah terhadap penggunaan unsur Islam dalam perniagaan. Metodologi kajian adalah berbentuk kajian kepustakaan iaitu menggunakan pendekatan analisa terhadap dalil-dalil dari sumber yang disepakati dan tidak disepakati. Selain itu, terdapat pelbagai hujah sokongan daripada kitab-kitab syariah yang muktabar dan juga artikel-artikel berkaitan yang diterbitkan dari dalam dan luar negara sserta lain-lain untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting. Hasil kajian menunjukkan bahawa amalan eksplotasi agama Islam sama ada eksplotasi terhadap Al-Quran mahupun As-Sunnah

adalah sesuatu yang diharamkan dan wajib ditegah oleh pihak-pihak tersebut kerana ia boleh menimbulkan fitnah terhadap agama Islam. Seterusnya ia dapat memudaratkan kesihatan, bahkan dapat menggugat pegangan akidah seseorang Muslim sekiranya terlalu bergantung dan mempercayai terhadap kehebatan-kehebatan produk yang dilabelkan dengan unsur-unsur agama. Oleh yang demikian, aktiviti ini perlu dibendung bagi menjaga kesucian agama Islam.

Di samping itu, artikel yang dihasilkan oleh Hassan, et.al (2019) yang bertajuk *Membangunkan Tema Filem Berunsur Islam Melalui Filem Bisik Pada Langit*. kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti secara khusus bagaimana filem yang bukan dikategorikan sebagai filem Islamik boleh menggambarkan ajaran Islam. Sebuah filem Bisik Pada Langit (BPL) telah digunakan sebagai sampel untuk kajian ini. Jalan cerita BPL akan dianalisis melalui kaedah analisis kandungan kuantitatif untuk melihat kekerapan ajaran Islam yang ditunjukkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa ajaran Islam di BPL telah dijelaskan menerusi solat, membaca al-Quran, menutup aurat, melakukan kebaikan kepada ibu bapa dan sebagainya. Melalui penemuan ini, ia membuktikan bahawa filem bukan Islam telah memainkan peranan sebagai medium untuk meningkatkan nilai positif dan ajaran Islam demi kebaikan masyarakat.

Tambahan lagi, jurnal yang telah dihasilkan oleh Nazmi Meutia (2022) yang bertajuk *Penceritaan Unsur Sejarah Islam Pada Cerita Berbingkai Dalam Novel Fatimah Azzahra Kerinduan Dari Karbala Karya Sibel Eraslan*. Penelitian ini dilatarbelakangi oleh adanya unsur sejarah dalam novel Fatimah Azzahra: Kerinduan Dari Karbala karya Sibel Eraslan yang dimuat dalam cerita berbingkai. Melalui kajian

ini, pengkaji mengkaji penceritaan muatan unsur sejarah islam yang termuat dalam novel. Dalam penelitian ini digunakan pendekatan struktural untuk melihat struktur cerita dan muatan unsur sejarah islam. Hasil penelitian menunjukan bahwa novel Fatimah Azzahra: Kerinduan dari Karbala karya Sibel Eraslan merupakan novel dengan gaya penceritaan berbingkai. Dari hampir 80 cerita yang dimuat di dalamnya, secara keseluruhan cerita-cerita tersebut terangkum dalam tiga cerita inti. Cerita pertama (C-I) merupakan cerita induk, cerita kedua merupakan cerita sisipan (C-II), dan cerita ketiga (C- II') merupakan kumpulan 72 cerita yang disebarluaskan pada cerita kedua di mana kumpulan cerita tersebut berisi tentang cerita-cerita sejarah Islam mengenai kehidupan Rasul dan para Ahlul Bait. Bagian C-II' inilah yang berisi unsur sejarah islam dalam novel ini. Secara umum, cerita-cerita sejarah tersebut bertemakan kecerdasan spiritual juga emosional dari fizik Fatimah Azzahra.

Akhir sekali, Jurnal yang dihasilkan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Bin Che Yaacob (2020) yang bertajuk *Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu*. Penelitian ini bertujuan untuk melihat aspek nilai Islam dalam pembentukan akhlak pada diri masyarakat Melayu. Kajian ini menggunakan teori Takmilah sebagai deduktif kajian untuk memantapkan hujah analisis. Pendekatan kualitatif digunakan dengan melibatkan kaedah kepustakaan dan teks. Kajian ini akan memberi pencerahan mengenai nilai-nilai Islam seperti merendah diri, tawakal, bersyukur, taat dan persahabatan dalam cerita rakyat Melayu berdasarkan teks Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia. Hasil kajian ini membuktikan masyarakat zaman dahulu menerapkan nilai-nilai Islam dalam cerita rakyat bagi membina sebuah masyarakat yang berakhhlak mulia.

## **2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Novel**

Menerusi jurnal yang dihasilkan oleh Hilmy Mahya Masyuhada dan Elen Inderasari pada tahun (2020) yang bertajuk *Representasi Akidah Dan Syariat Islam Dalam Novel I Am Sarahza Karya Hanum Salsabiela Dan Rangga Almahendra*. Penelitian ini bertujuan untuk mendeskripsikan aspek akidah dan syariat dalam novel I am Sarahza karya Hanum Salsabiela dan Rangga Almahendra. Penelitian deskriptif kualitatif ini menggunakan dialog dalam novel sebagai sumber data. Penelitian ini menggunakan pendekatan pragmatik yang berguna untuk meninjau kegunaan karya sastra itu sendiri bagi pembaca atau masyarakat. Pengumpulan data dilakukan melalui teknik baca dan catat. Hasil penelitian menunjukkan empat aspek nilai akidah dalam novel tersebut, yakni ilahiyat, nubuwat, ruhaniyat, dan samaiyat.

Selain itu, jurnal yang dihasilkan oleh Rosli Manas, et.al pada tahun (2021) yang bertajuk *Elemen Thriller Islam Dalam Novel 'Bidadari Bermata Bening' Karya Habiburrahman El-Shirazy*. Kajian ini merupakan sebuah kajian kepustakaan yang bertujuan membina konsep ‘thriller’ berdasarkan nilai-nilai Islam. Konsep ini dibina dengan memanfaatkan idea Teori Takmilah (1995) dan konsep ‘thriller’ Trish Macdonald Skillman (2000) yang disesuaikan dengan keteranganketerangan dari sumber al-Quran. Tiga prinsip Teori Takmilah iaitu sastera yang estetik bercirikan takmilah, prinsip pengkarya yang mengistikmalkan diri dan prinsip khalayak bertujuan ke arah insan kamil. Berdasarkan analisis yang dilakukan, dapat dibuktikan kewujudan unsur-unsur ‘thriller’ iaitu emosi, kejutan, takut, sangkaan, keliru dan bahaya yang dialami oleh watak-watak yang berkait langsung dengan kesedaran Islam.

Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa pengarang Muslim memasukkan unsur-unsur ‘thriller’ dalam novel bertujuan menimbulkan kesedaran agama ke arah menyempurnakan tanggungjawab kesasteraannya baik sebagai pengarang, pembaca dan teks yang membawa mereka ke arah kesempurnaan.

Seterusnya, artikel yang dihasilkan oleh Hendra Kasmi (2019) yang bertajuk *Nilai-Nilai Kearifan Lokal Dalam Novel Tempat Paling Sunyi Karya Arafat Nur*. Penelitian ini bertujuan untuk mengetahui gambaran nilai-nilai kearifan lokal dalam novel. Metode yang digunakan adalah metode deskriptif analitis dengan pendekatan struktural. Sumber data dalam penelitian ini Novel Tempat Paling Sunyi Karya Arafat Nur. Hasil penelitian ini menunjukkan sarat dengan nilai kearifan lokal keacehan.

Di samping itu, jurnal yang dihasilkan oleh Ismantoro, Fatchul (2020) yang bertajuk *Nilai-Nilai Pendidikan Islam Dalam Novel Sang Pangeran Dan Janissary Terakhir Karya Salim A. Fillah*. Penelitian ini bertujuan untuk mengetahui nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung dalam novel sang pangeran dan janissary terakhir karya Salim A Fillah. Jenis penelitian ini adalah penelitian kepustakaan dengan pendekatan sastra. Pendekatan ini digunakan kerana mempertimbangkan aspek kegunaan dan manfaat karya sastra (novel) yang dapat diperoleh pembaca. Metode pengumpulan data adalah metode dokumentasi melalui penelusuran dokumen video dan buku. Peneliti menggunakan analisis isi sebagai teknik analisis data. Hasil penelitian menunjukkan nilai-nilai pendidikan Islam yang terkandung dalam novel sang pangeran dan janissary terakhir karya salim a fillah mencakup:Nilai Aqidah (berdzikir kepada Allah swt, meyakini qodho dan qodar Allah swt, tawakal kepada Allah swt, tidak mempersekutukan Allah swt dan yakin akan hari akhir), Nilai Akhlak

(Akhlak kepada Allah swt dengan cara bersyukur atas segela nikmat yang diberikan kepadanya, akhlak kepada Rasul saw dengan selalu bershawat kepadanya, akhlak kepada Orang lain dengan tolong menolong kepada sesama, akhlak terhadap diri sendiri), Nilai Ibadah (Membaca Al qur'an, sholat sunnah tahajud, sholat fardhu yang dijamak, bulan ramadhan bulannya puasa), Nilai Muamalah (tolong menolong terhadap sesama, Jual beli dan pernikahan sesuai syariat islam beserta syarat dinikahkannya seorang wanita) dan Nilai Siyasah (politik) diantaranya dalam hal Perundingan, siasat pertempuran dan negosiasi.

Tambahan lagi, jurnal yang telah dihasilkan oleh Lailul Anshari (2018) yang bertajuk Analisis Unsur Sejarah Islam Dalam Novel Khadijah: *Ketika Rahasia Mim Tersingkap Karya Sibel Eraslan*. Penelitian ini bertujuan mendeskripsikan unsur-unsur sejarah Islam yang terdapat dalam novel Khadijah: Ketika Rahasia Mim Tersingkap karya Sibel Eraslan. Unsur-unsur sejarah tersebut meliputi peristiwa sejarah, pelaku atau tokoh sejarah, tempat terjadi peristiwa sejarah, waktu terjadi peristiwa sejarah, penyebab terjadi peristiwa sejarah, dan cara terjadi peristiwa sejarah. Penelitian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Selain itu, jenis penelitian yang digunakan adalah penelitian deskriptif. Teknik pengumpulan data yang digunakan dalam penelitian ini menggunakan teknik dokumentasi. Teknik analisis data yang digunakan untuk menganalisis novel ini adalah teknik deskriptif kualitatif. Hasil penelitian menunjukkan bahwa unsur-unsur sejarah Islam yang terdapat dalam novel ini terdiri atas enam, yaitu (1) peristiwa sejarah yang digambarkan di dalam novel ini dideskripsikan dengan baik. Peristiwa-peristiwa sejarah yang digambarkan di dalam novel merupakan peristiwa berdasarkan fakta sejarah. Peristiwa sejarah yang terdapat dalam novel ini bervariasi, ada 33 peristiwa sejarah yang digambarkan,(2) tokoh

utama dalam novel ini adalah Khadijah dan Rasulullah. (3) tempat terjadi peristiwa sejarah yaitu, Mekah, sumur Zamzam, Bait Al-Atik, Gunung Hira dan Gua Hira, Yaman, Habasyah, Al-Mugamma, Pasar Ukaz, Syam, Rumah Khadijah, Bukit Safa, Ma'la dan Gunung Hajun. Penggambaran tempat-tempat sejarah sudah digambarkan dengan baik dan terperinci. Namun ada beberapa tempat yang dideskripsikan hanya sekilas. Tempat-tempat sejarah juga digambarkan sesuai dengan fakta sejarah,(4) sebagian waktu terjadi peristiwa sejarah hanya digambarkan secara sekilas, tidak ada penjelasan secara terperinci. Waktu terjadi peristiwa sejarah yang digambarkan di dalam novel terdiri atas 31 peristiwa sejarah yang digambarkan lengkap dengan waktu terjadinya, 2 peristiwa lainnya tidak digambarkan kapan peristiwa itu terjadi,(5) latar belakang terjadi peristiwa sejarah yang digambarkan di dalam novel ini bermacam-macam. Penyebab terjadi peristiwa sejarah yang digambarkan di dalam novel ini terdiri atas 13 peristiwa sejarah dengan latar belakang yang berbeda, dan (6) ada 29 peristiwa sejarah yang menggambarkan bagaimana peristiwa itu berlangsung. Cara terjadi peristiwa sejarah di dalam novel ini juga digambarkan dengan jelas, namun ada beberapa peristiwa yang hanya digambarkan secara sekilas dan tidak terperinci.

Sementara itu, jurnal yang telah dihasilkan oleh Fairuz Zakiyah Ahmad. (2019) yang bertajuk *Nilai-Nilai Konseling Islam Dalam Novel Menunggu Beduk Berbunyi karya Hamka*. penelitian ini menggunakan penelitian kualitatif, sedangkan dalam pengumpulan datanya menggunakan metode studi pustaka yaitu menelaah literatur yang berkaitan dengan pembahasan skripsi. Analisis data yang digunakan dalam skripsi ini adalah analisis konten. Novel Menunggu Beduk Berbunyi merupakan salah satu karya sastra Hamka yang sarat mengandung nilai-nilai kehidupan, termasuk nilai konseling Islam. Dari hasil penelitian dalam novel Menunggu Beduk Berbunyi,

peneliti menemukan nilai-nilai konseling Islam yang terkandung dalam novel tersebut kemudian mengkategorikannya berdasarkan konsep-konsep konseling Islam yang telah dirumuskan, yang berasal dari unsur-unsur, tujuan, fungsi, asas-asas, serta metode dan teknik konseling. Kemudian dari konsep-konsep tersebut, peneliti mengelompokkan nilai-nilai konseling Islam menjadi menjadi tiga kelompok, yakni nilai konseling Islam yang berhubungan dengan Allah, nilai konseling Islam yang berhubungan dengan diri sendiri, dan nilai konseling Islam yang berhubungan dengan orang sekitar. Nilai konseling Islam yang berhubungan dengan Allah adalah melakukan tugas sebagai khalifah dengan baik. Nilai konseling Islam yang berhubungan dengan diri sendiri meliputi mengembangkan potensi atau fitrah beragama. mampu mengubah persepsi atau minat, mampu mengontrol emosi serta meredamnya dengan melakukan introspeksi diri, senantiasa bersyukur atas semua keadaan serta kekayaan yang dimiliki, mampu menumbuhkembangkan potensi iman, dan menghasilkan kecerdasan spiritual pada diri individu. Sedangkan nilai konseling Islam yang berhubungan dengan orang sekitar meliputi empati, positive regards, dan memberikan arahan serta petunjuk bagi orang yang tersesat.

Lain daripada itu, jurnal yang dihasilkan oleh Asman Budiman Karim dan Muhammad Yusnan (2020) yang bertajuk *Aspek Spiritual Dalam Novel Tuhan Izinkan Aku Menjadi Pelacur Karya Muhibdin M Dahlan*: Spiritual Aspects in the Lovely of God Let Me Become a Property of Muhibdin M Dahlan. Penelitian ini bertujuan untuk mendeskripsikan aspek spiritualitas dalam Novel Tuhan Izinkan Aku Menjadi Pelacur! karya Muhibdin M Dahlan. Metode dalam penelitian ini adalah deskriptif kualitatif. Hasil penelitian menunjukkan bahawa aspek spiritual yang terdapat dalam novel Tuhan Izinkan Aku Menjadi Pelacur! Adalah Aqidah, syariah,

dan akhlak. Akidah terdiri dari ketauhidan dan iman kepada takdir. Dapat dilihat kajian ini berjaya menganalisis aspek spiritual yang terdapat dalam Novel Tuhan Izinkan Aku Menjadi Pelacur dengan jelas dan spesifik.

Lebih-lebih lagi, jurnal yang dihasilkan oleh Salman Alade (2020) yang bertajuk *Pertentangan Hukum Adat Dan Hukum Islam Di Minangkabau Dalam Novel Mencari Cinta Yang Hilang Karya Abdulkarim Khiaratullah (Tinjauan Sosiologi Sastra)*. Penilitian ini terbahagi kepada tiga isu utama pertama bagaimana pertentangan hukum adat dan hukum Islam di Minangkabau dalam novel Mencari Cinta yang Hilang karya Abdulkarim Khiaratullah? kedua apa penyebab hukum adat melarang menikah sesama suku di Minangkabau. Ketiga bagaimana jalan keluar yang akan ditempuh jika terjadi pernikahan sesama suku di Minangkabau?. Metode yang digunakan dalam penelitian ini iaitu metode deskriptif analisis. Sehubungan dengan itu, teknik pengumpulan data dalam penelitian ini menggunakan teknik kepustakaan. Hasil penelitian adalah seperti berikut iaitu pertama Pertentangan hukum adat dan hukum Islam di Minang Kabau dalam novel Mencari Cinta yang Hilang karya Abdul karim Khiaratullah yakni tentang larang pernikahan sesama suku kedua pula berkaitan penyebab hukum adat melarang menikah sesama suku di Minangkabau yakni jika satu suku dianggap berasal dari satu keturunan yang juga berarti satu darah, sehingga menikah sesuku dianggap menikah sedarah. Terakhir iaitu yang ketiga berkaitan jalan keluar yang akan ditempuh jika terjadi pernikahan sesama suku di Minangkabau. Jelas menunjukkan bahawa kajian ini berjaya merealisasikan persoalan yang berkaitan dengan kehidupan orang minangkabau.

Sementara itu, jurnal yang dihasilkan oleh Gita Rosalia (2019) yang bertajuk *Nilai-Nilai Pendidikan Islam Dalam Novel Dahlan Karya Haidar Musyafa*. penelitian ini adalah pendidikan bukan hanya sekedar proses transformasi ilmu, akan tetapi pendidikan juga bertujuan membentuk dan menanamkan generasi yang berakhhlak mulia. Dalam penelitian ini ianya menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif sebagai prosedur yang digunakan dengan menghasilkan data deskriptif ini yang berupa kata-kata tertulis dan bukan angka. Dengan demikian laporan penelitian ini akan berisi kutipan-kutipan data dalam penyajian laporan. Dalam pengumpulan data peneliti menggunakan metode dokumentasi. Jelas sekali, kajian ini berjaya merungkai nilai-nilai pendidikan Islam yang ada dalam Novel Dahlan.

Selanjutnya, jurnal yang dihasilkan oleh Nada Sawita (2021) yang bertajuk *Nilai-nilai islam dalam novel ketika cinta bertasbih karya Habiburrahman El Shirazy*. Penelitian ini bertujuan untuk mendeskripsikan nilai-nilai Islam yang terkandung dalam novel Ketika Cinta Bertasbih karya Habiburrahman El Shirazy. Penelitian ini memfokuskan nilai-nilai Islam yang disampaikan lewat sikap, tingkah laku, dan pandangan hidup dari tokoh utama. Teknik pengumpulan data dilakukan dengan pembacaan dan pencatatan. Data dianalisis dengan teknik analisis deskriptif kualitatif. Penelitian kualitatif adalah penelitian dimana peneliti ditempatkan sebagai instrument kunci, teknik pengumpulan data dilakukan secara penggabungan dan analisis data bersifat induktif. Sumber data primer dalam penelitian ini diambil dari novel Ketika Cinta Bertasbih karya Habiburrahman E Shirazy, sedangkan data sekunder yang digunakan adalah karya-karya tulis ilmiah, buku-buku, artikel-artikel yang berkaitan dengan objek penelitian. Hasil dari penelitian ini adalah terdapat nilai akidah, ibadah dan nilai akhlak dalam novel Ketika Cinta Bertasbih. Dapat disimpulkan bahawa

novel Ketika Cinta Bertasbih banyak memaparkan nilai Islam yang mampu memberi pengajaran dan pedoman kepada pembaca.

Pada masa yang sama, jurnal yang dihasilkan oleh Muslim Imam (2019) yang bertajuk *Analisis Nilai-Nilai Pendidikan Islam dalam Novel Sang Pencerah Karya Akmal Nasery Basral Perspektif Mohammad Daud Ali serta Relevansinya dengan Problematika Pendidikan Saat Ini*. Penelitian ini adalah untuk membahas nilai-nilai pendidikan Islam dalam karya satra novel Sang Pencerah sebagai novelisasi kehidupan K.H Ahmad Dahlan karya Akmal Nasery Basral dengan perspektif Mohammad Daud Ali. Penelitian ini termasuk penelitian kualitatif yang berbentuk dekriptif dan jenis penelitiannya adalah kepustakaan (library research) dengan menggunakan pendekatan historis (sejarah). Adapun sumber datanya diambil dari data primer yaitu novel Sang Pencerah karya Akmal Nasery Basral dan data sekunder buku Pendidikan Agama Islam karya Muhammad Daud Ali serta berbagai buku pendukung lainnya. Hasil penilitian menunjukkan terdapat banyak nilai akhlak yang dipaparkan di mana ia meliputi saling menghormati, tawadhu', sodaqoh, jujur, birrul walidain, ikhlas, tabayun, sabar, tolong menolong. Dan nilai syariah, yang dapat penulis temukan dan analisis antara lain adalah tholabul ilmi, thaharah, shalat, sikap dalam do'a, shalat jenazah, pernikahan, adat istiadat, hukum penggunaan hal baru. Jelas menunjukkan bahawa melalui kajian ini, maka pengkaji dapat menyenaraikan dengan lebih terperinci nilai Islam yang terdapat pada watak dalam novel ini.

## 2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Takmilah

Menerusi jurnal yang dihasilkan oleh Mohd Firdaus Bin Che Yaacob dan Muhammad Nur Al Hakim Mohamad Hanafiah (2020) yang bertajuk *Faktor Dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah*. Fenomena murtad dalam kalangan masyarakat Melayu pada hari ini amat membimbangkan dan memberi kesan-kesan negatif kepada manusia. Pengkajian ini mendasari tentang konsep-konsep Islam seperti akidah, dakwah dan khalifah dalam novel Tuhan Manusia karya Faisal (2007). Seterusnya, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu murtad. Selain itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks. Di samping itu, teori Takmilah dijadikan sebagai deduktif kajian dengan menggunakan prinsip-prinsip Islam, ilmu dengan sastera, Islam bersifat Akmal, khalayak yang bersifat Kamil sebagai sokongan analisis kajian agar lebih mapan dan sistematik. Kajian ini diharap dapat memberi kefahaman kepada khalayak bahawa melalui karya sastera juga dakwah dapat disampaikan dengan penuh kreatif dan berkesan kepada semua pembaca.

Selain itu, jurnal yang telah dihasilkan oleh Amir Zakiy Hamzah dan Che Abdullah Che Ya (2019) daipada Jurnal Wacana Sarjana 3 yang bertajuk *Novel Ibnu Ahmad Al-Kurauwi: Manifestasi Hubungan Antara Manusia Dan Khalifah Di Bumi Allah*. Melalui kajian ini, pengkaji telah meneliti peranan manusia sebagai sia dan hubungan Allah. Penelitian dilakukan dengan menggunakan teori Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie Abu Bakar. Tujuh prinsip teori Takmilah iaitu prinsip

Ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip Kerasulan sebagai insan Kamil, prinsip Keislaman yang bersifat akmal, prinsip ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat takmilah, prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistikmalkan diri serta prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil diketengahkan dalam memastikan wujudnya kesempurnaan manifestasi hubungan antara manusia dan Allah Taala. Melalui penelitian Takmilah mendapati bahawa kedua-dua novel merupakan karya yang baik dan selari dengan tujuh prinsip teori seperti yang digariskan oleh Shafie Abu Bakar. Konsep Ketuhanan, Kerasulan, Keislaman, ilmu, sastera, pengarang dan pembaca saling melengkapi dalam membentuk satu kesatuan. Sesungguhnya, karya Ibnu Ahmad Al-Kurauwi merupakan manifestasi hubungan manusia dan khalifah di bumi Allah.

Seterusnya, jurnal yang telah dihasilkan oleh Zaidi, et al.(2022) daripada Rumpun Jurnal Persuratan Melayu yang bertajuk *Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil Membentuk Modal Insan Dalam Novel Mereka Yang Tertewas*. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis dan mengenal pasti peranan watak utama dalam novel Mereka yang Tertewas karya Hasanuddin Md Isa sebagai medium ke arah pembentukan modal insan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks. Kajian ini menggunakan prinsip kedua teori Takmilah, iaitu prinsip kerasulan sebagai insan Kamil dengan memberikan tumpuan khusus kepada peristiwa-peristiwa yang berlaku terhadap watak utama dalam novel Mereka yang Tertewas yang dapat menjadi pemangkin ke arah pembentukan modal insan. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa sikap-sikap terpuji watak utama di samping peristiwa-peristiwa dalam novel yang dikaji sememangnya wajar dicontohi kerana

ianya memandu khalayak ke arah pembentukan modal insan. Sifat-sifat watak yang bijak dalam memimpin keluarga dan masyarakat, bertakwa dan beriman adalah selaras dengan makna insan khalifah dan insan Rabbani. Kesimpulannya, kajian ini berjaya membuktikan bahawa watak utama novel yang dikaji dapat dijadikan sebagai contoh ke arah pembentukan modal insan dalam kalangan masyarakat.

Di samping itu, jurnal yang telah dihasilkan oleh UISA Halim. (2019) yang bertajuk *Rawatan Infertiliti Patuh Maqasid Shariah Dalam Novel Cinta In Vitro karya Nik Hazlina Nik Hussain Berdasarkan Teori Takmilah*. Kajian ini merupakan satu kajian aplikasi teori Takmilah ke atas novel Cinta In Vitro karya Nik Hazlina Nik Hussain. Novel ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 2019. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis novel Cinta In Vitro berdasarkan 7 prinsip yang terdapat dalam teori Takmilah dengan bersandarkan kepatuhan terhadap maqasid shariah. Struktur novel ini merungkai kisah sepasang suami isteri yang belum direzekikan zuriat sehingga terpaksa bergelut mencari kesempurnaan hidup berumahtangga dengan pelbagai cara sama ada kaedah tradisional mahupun moden dan akhirnya berhasil melalui rawatan infertiliti bayi tabung uji atau dikenali sebagai persenyawaan in vitro (in vitro fertilisation-IVF). Justeru, penulisan ini memberi fokus kepada rawatan infertiliti secara umum menurut Maqasid Shariah yang selari dengan prinsip-prinsip Takmilah. Pengkaji menggunakan kaedah kepustakaan bagi membuat analisis kajian. Berdasarkan penelitian dan analisis penyelidik mendapati bahawa kesemua 7 prinsip teori Takmilah ditemui dalam plot dan sub plot novel ini. 7 prinsip berkenaan ialah ketuhanan yang bersifat Kamal, kerasulan sebagai insan Kamil, keislaman yang bersifat Akmal, ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, sastera yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, pengkarya yang mengistimalkan

diri dan khalayak ke arah insan Kamil. Penemuan ketujuh-tujuh prinsip teori Takmilah dalam kumpulan novel yang dikaji membuktikan bahawa novel Cinta In Vitro karya Nik Hazlina Nik Hussain ini padat dengan nilai-nilai keagamaan dan pengajaran serta dapat dikategorikan sebagai hasil karya Sastera Islam kerana terdapat elemaneleman tauhid, Maqasid Shariah, akhlak, kesusasteraan, ilmu kesihatan dan perubatan.

Lantaran itu, jurnal yang dihasilkan oleh Siti Nur Anis Muhammad Apandi et.al (2022) yang bertajuk *Pemaparan Jenis Akhlak Menerusi Kumpulan Puisi As-Salam Karya Suhaimi Haji Muhammad Berdasarkan Teori Takmilah: The Potrayal of Moral Types Through As-Salam Poetry Based on The Works of Suhaimi Haji Muhammad using Takmilah Theory*. Kajian ini menyentuh nilai moral dalam kelompok puisi Suhaimi Haji Muhammad dengan menerapkan Pendekatan Takmilah yang diperkenalkan oleh Shafie Abu Bakar. Pendekatan ini mengangkat sifat Kamal Allah dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan akan digunakan untuk mengkaji puisi Suhaimi Haji Muhammad. Melalui kajian ini menunjukkan bahawa pengkarya berjaya memberi pendedahan kepada khalayak bahawa pengkarya juga dapat menyampaikan dakwah serta memberi pengajaran kepada pembaca di dalam bentuk yang lebih indah dan kreatif. Jelas menunjukkan bahawa banyak nilai dan juga ikhtibar yang boleh diterapkan ke dalam diri masyarakat hasil daripada kajian ini.

Lebih-lebih lagi jurnal yang dihasilkan oleh SSS Ahmad et.al (2019) yang bertajuk *Aplikasi Teori Takmilah dalam Fara'id Al-Fawa'id Al-Fikra Fi Al-Imam Al-Mahdi*: Satu analisis kepimpinan Islam. Kajian ini meneliti aspek-aspek kepimpinan Islam yang terkandung dalam teks manuskrip kisah Imam al-Mahdi dengan judul

Fara'id al-Fawa'id al-Fiqra fi al-Imam al-Mahdi karangan Sheikh Daud al-Fatani rhm Penelitian terhadap aspek-aspek kepimpinan pada seorang pemimpin dianalisis berdasarkan teori Takmilah dalam prinsipnya yang kedua iaitu Kerasulan yang bersifat Kamil. Metod penyelidikan kualitatif digunakan bagi meneliti ketiga-tiga ciri kepimpinan yang dihuraikan dalam teks manuskrip melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil kajian mendapati ciri-ciri kepimpinan disentuh dari sudut khalifah, dakwah dan jihad serta terangkum dalam prinsip Takmilah yang mengangkat sifat kerasulan sebagai manusia yang sempurna (Kamil) dan berkelayakan diiktiraf sebagai seorang pemimpin. Kajian ini jelas dapat memberi penambahan kepada penyelidikan baru berkenaan penggunaan teori Takmilah dengan jelas.

Seterusnya, jurnal yang dihasilkan oleh Sara Beden et.al (2020) yang bertajuk *Prinsip-Prinsip Takmilah: Manifestasinya dalam Buntat Mengembara ke Makkah*. Masa terus berlalu, kini dapat kita lihat bahawa manusia semakin berlumba-lumba dalam mengecapi dunia yang kini semakin moden hingga mengabaikan sikap mahupun akhlak rohani dalam diri. Tujuan penilitian ini adalah untuk menganalisis novel Buntat Mengembara ke Mekah berdasarkan ketujuh-tujuh prinsip yang terdapat dalam Teori Takmilah. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks dengan menggunakan Teori Takmilah yang dirintis oleh Shafiee Abu Bakar. Berdasarkan penelitian dan analisis, didapati ketujuh-tujuh prinsip dalam Teori Takmilah ditemukan dalam novel Buntat Mengembara ke Mekah. Kesimpulannya, manifestasi prinsip-prinsip Takmilah dalam novel ini berupaya untuk dimanfaatkan oleh masyarakat yang beragama Islam dalam memperkuuh akhlak dan akidah khususnya dalam menghadapi cabaran pada era Revolusi Industri 4.0.

## **2.5 Rumusan**

Dapat disimpulkan bahawa sorotan kajian adalah salah satu kaedah tinjauan yang dilaksanakan bagi melihat kelompongan dan mencari maklumat penting dalam kajian tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui kajian lepas, pengkaji dapat melihat serta dapat dijadiakn bahan bukti bahawa kajian yang dipilih adalah belum pernah dikaji oleh para pengkaji lepas. Selain itu, pemaparan teori bertujuan untuk membantu pengkaji dalam menyelesaikan dan menjayakan kajian. Penggunaan teori yang betul dapat menyokong analisis agar lebih kukuh. Terdapat tujuh prinsip Takmilah yang dipaparkan dan tiga daripadanya menjadi pilihan pengkaji untuk digunakan bagi proses analisis.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### **3.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan berkaitan metodologi kajian. Pada bahagian ini juga, terdapat penerangan berkaitan kaedah yang digunakan bagi mencapai objektif kajian. Antara kaedah yang digunakan dalam pengumpulan maklumat ialah melalui kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang berkaitan artikel ilmiah, dan juga kaedah tekstualiti iaitu melalui pembacaan teks yang dipilih. Selain itu, proses pemerolehan data, pemprosesan data yang dipecah kepada tiga iaitu melalui bacaan, penerangan data dan analisis data. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat memperoleh maklumat berkaitan dengan data kajian secara tepat dan benar.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Tujuan reka bentuk kajian ini dijalankan agar dapat mengumpul data dengan baik berkaitan dengan kajian. Menurut (Sabitha, 2006), dengan adanya reka bentuk kajian, ia dapat menjadi panduan bagi membantu penyelidik dalam proses memungut, menganalisis dan membuat pentafsiran hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Reka bentuk penyelidikan juga menjadi model bagi membolehkan penyelidik membuat inferens berkenaan pemboleh ubah yang dikaji.

## UNSUR-UNSUR ISLAM DALAM NOVEL PUTERI DUYUNG

### BERDASARKAN TEORI TAKMILAH

#### Persoalan

1. Apakah unsur-unsur Islam yang terdapat dalam novel *Puteri Duyung*?
2. Apakah unsur-unsur Islam dalam novel *Puteri Duyung* yang dikaitkan dengan Teori Takmilah?
3. Apakah kepentingan unsur-unsur Islam diterapkan dalam karya sastera?

#### Objektif Kajian

1. Mengenalpasti unsur-unsur Islam yang terdapat dalam novel Puteri Duyung
2. Menganalisis unsur-unsur Islam yang dikaitkan dengan Teori Takmilah
3. Menganalisis kepentingan unsur-unsur Islam diterapkan dalam karya sastera

#### Metodologi Kajian

##### Kaedah Kualitatif

Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar

#### Hasil Dapatkan

Pengkaji berjaya mengenalpasti unsur-unsur Islam dalam novel Puteri Duyung

Rajah 3.2 Rekabentuk Kajian

Gambar rajah 3.2 di atas menujukkan rekabentuk kajian yang pengkaji aplikasikan sepanjang kajian ini dilaksanakan. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif sebagai kaedah pengumpulan data iaitu melalui penelitian dan penganalisan data kajian yang penting bersesuaian dengan tajuk kajian.

### **3.3 Kaedah Kajian**

Kaedah kajian adalah langkah atau proses yang digunakan dalam penyelidikan bagi tujuan mengumpul data dan maklumat. Kaedah ini akan melibatkan beberapa aspek dari kaedah kajian iaitu melalui perpustakaan dan analisis teks. Kaedah kajian ini adalah satu pembuktian hasil kajian pengkaji yang dijalankan secara sistematik dan dapat dilihat keberkesanannya mengenai unsur-unsur Islam yang terdapat dalam novel Puteri Duyung. Adanya kaedah kajian ini secara tidak langsung pengkaji dapat mengumpul maklumat dengan tepat bersesuaian dengan tajuk kajian. Pengkaji turut menggunakan teori Takmilah bagi mengukuhkan lagi kajian ini.

#### **3.3.1 Kepustakaan**

Kaedah kepustakaan ialah kaedah di mana pengkaji mengunjungi perpustakaan awam dan juga perpustakaan yang berada di Universiti Malaysia Kelantan bagi tujuan mendapatkan maklumat secara tepat. Pengkaji membuat penelitian terhadap sumber rujukan seperti buku, tesis, artikel dan juga jurnal. Penelitian di buat mengikut kesesuaian tajuk kajian. Tujuan kunjungan ke perpustakaan ini dilakukan adalah

untuk mendapatkan maklumat yang benar berkaitan data yang diperlukan untuk kajian seperti berkaitan unsur Islam dan juga penggunaan teori Takmilah.

Selain itu, pengkaji menggunakan kaedah laman sesawang ialah kaedah yang menggunakan sumber internet bagi memperoleh maklumat berkaitan kajian yang dilaksanakan. Terdapat beberapa laman sesawang yang telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan benar. Pengkajian menggunakan laman sesawang dari sumber ilmiah seperti Google scholar, academic.edu dan juga Dewan Bahasa dan Pustaka. Rujukan dari sumber internet dapat membantu pengkaji memperoleh maklumat yang luas berkaitan kajian yang dilaksanakan. Hal ini dikatakan demikian kerana, maklumat yang diperoleh melalui internet adalah merentas masa dan tiada sempadan. Pencarian melalui internet membolehkan pengkaji mendapat sebarang apa jua maklumat yang diinginkan dengan cepat. Kaedah ini dapat memberi penjimatan masa dan tenaga kepada pengkaji, kerana dapat mengakses internet dengan cepat walau apapun keadaannya.

### **3.3.2 Analisis Tekstual**

Kaedah analisis tekstual ialah kaedah yang dilakukan ke atas sesebuah teks bagi tujuan pemahaman berkaitan isi penulisan dan makna yang cuba disampaikan oleh pengarang. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan novel Puteri Duyung untuk kaedah tekstualiti. Menurut (Joubish, Muhammad Farooq dan Muhammad Asyraf Khurram, 2011). Kaedah tekstualiti adalah salah satu teknik sistematik yang sangat menekankan penggunaan bahasa dan juga perkataan dalam teks di mana boleh dikategorikan kepada beberapa jenis yang lebih besar berdasarkan sistem pengekodan

yang mempunyai kata kunci yang tersendiri. Melalui kaedah ini pemahaman terhadap teks akan lebih terperinci.

### **3.4 Proses Pengumpulan Data**

Pengumpulan dan pemprosesan data adalah satu proses yang digunakan oleh pengkaji untuk mengumpul sebanyak mungkin data yang diperoleh berkaitan kajian. Menurut Izham Shafie (2008) data adalah satu kerangka maklumat yang sangat penting untuk melakukan keputusan yang baik dalam sesuatu situasi. Oleh itu, data adalah maklumat penting yang sangat diperlukan dalam proses sesuatu keputusan.

### **3.5 Kaedah Analisis Data**

Analisis data adalah elemen utama yang memberi hasil dari suatu pengumpulan data serta dijadikan asas dalam membuat keputusan. Data yang diambil dari pelbagai sumber akan dikumpul, dikaji, kemudian akan dianalisis bagi mengumpulkan segala penemuan yang diperoleh. Analisis data dilakukan melalui teks Puteri Duyung bertujuan untuk mengenalpasti unsur Islam yang terdapat dalam novel serta menganalisis fungsi Islam menggunakan teori Takmilah. Kajian ini akan berpandukan teori Takmilah yang telah diasaskan oleh Shafie Abu Bakar. Analisis dibuat bagi menjawab objektif dalam kajian ini.

### **3.5.1 Teoritikal**

Kajian ini menggunakan teori Takmilah yang telah diasaskan oleh Shafie Abu Bakar pada tahun 1996. Teori ini dipilih kerana ia merupakan satu teori yang berfokus kepada Islam dan membolehkan pengkaji membuat analisis serta kritikan secara terperinci. Terdapat tujuh prinsip yang telah diilhamkan oleh penulis melalui teori ini. Antara prinsip tersebut ialah ketuhanan yang bersifat Kamal, kerasulan sebagai insan Kamil, keislaman yang bersifat Akmal, ilmu dengan sastera yang bersifat Takamul, sastera yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, pengkarya yang mengistikmalkan diri dan khalayak ke arah insan Kamil.

Prinsip pertama ini menerangkan bagaimana dua sifat Allah SWT, "Kamal", yang bermaksud "sempurna," dan "Jamal," berhubung antara satu sama lain. Untuk menghubungkan Allah SWT dengan manusia, ia menunjukkan pertalian yang kukuh antara "sempurna" dan "keindahan." Sebagai contoh, kita dapat melihat bahawa manusia telah dicipta oleh Allah SWT dengan sebaik-baiknya, seperti yang dinyatakan dalam Surah al-Tin ayat 4, yang berbunyi, "Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya." Ini juga disebutkan dalam surah lain seperti Surah al-A'raf, ayat 11, Surah al-Hijr, ayat 28, Surah al-Fatir, ayat 11, Surah al-Ma'rij, ayat 40, dan S Sifat "Kamal" Allah SWT telah menyerlah melalui proses pembentukan manusia dan alam sekitar.

Prinsip kedua, sifat "Kamil" yang dimiliki oleh Rasulullah SAW dikaitkan dengan istilah "Kamil" Allah SWT sebagai Yang Maha Sempurna. Sifat Rasulullah SAW sebagai insan Kamil (sempurna) jelas menunjukkan bahawa manusia adalah yang terbaik. Sifat ini boleh digunakan sebagai qudwah hasanah (contoh tauladan) kepada orang lain untuk meningkatkan kehidupan mereka. Ini ditunjukkan dengan gelaran yang diberikan kepada Rasulullah SAW, seperti "al-Amin" (yang jujur dan benar), "al-Mustafa" (yang terpilih) dan "al-Habib" (kekasih Allah). Gelaran ini menunjukkan bahawa baginda adalah seorang pemimpin, pemimpim dan panglima perang, serta seorang hamba yang sangat taat kepada perintah Yang Maha Sempurna (Allah SWT). Oleh itu, banyak surah-surah dari Al-Quran yang menceritakan tentang sifat sempurna Rasulullah SAW.

Pada prinsip ketiga ini, agama Islam digambarkan sebagai agama yang sempurna dan syumul. Dalam Surah al-Ma'ida, ayat 3, dinyatakan bahawa "Pada hari ini telah Kusempurnakan untuk kamu agamamu, dan telah Kucukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan telah kuredai Islam itu adalah agama bagimu." Oleh itu, bidang sastera adalah salah satu aspek kehidupan yang boleh membantu melengkapkan Islam sebagai agama yang syumul. Orang ramai tahu bahawa sastera yang baik dan berkualiti tinggi boleh membawa masyarakat ke arah kebaikan dan kesejahteraan. Oleh itu, sastera memainkan peranan penting dalam mendidik orang ramai melalui karya yang berkualiti tinggi yang selaras dengan prinsip moral yang terkandung dalam al-Quran dan hadis.

Berdasarkan prinsip keempat, Shafie Abu Bakar menjadikan Teori Takmilah dan Teori Takamul sebagai teori yang saling melengkapkan. Konsep takmilah, yang mempunyai kaitan dengan sastera ini, melibatkan hati dan akal, menurut Shafie Abu Bakar (1997: 135). Oleh itu, akal dan hati adalah penting untuk penciptaan sastera. Untuk menghasilkan karya yang berkualiti tinggi, perlu ada hubungan antara sastera dan ilmu.

Teori Takmilah yang dikemukakan oleh Shafie berpusat pada prinsip kelima ini dan membawa penyelidikan tentang ciri estetik yang menjadikan karya itu takmilah. Dalam konteks teori ini, karya menjelaskan komponen yang sepatutnya dapat meningkatkan karya. Malahan, dalam Islam, ciri estetik menonjolkan tahap keprihatinan manusia terhadap alam dan kehidupan ini untuk digunakan dalam karya, sebagaimana yang digambarkan dalam al-Quran, seperti dalam Ayat 5 Surah al-Hajj, yang berbunyi: Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah Kami turunkan air di atasnya, hiduplah bumi itu dan suburlah dan menumbuhkan banyak tumbuh-tumbuhan yang cantik.

Pada prinsip keenam ini, Shafie telah menunjukkan bahawa mengistimalkan adalah perkara yang perlu dilakukan untuk menyempurnakan diri dengan ilmu yang diperlukan untuk menghasilkan sebuah karya yang sempurna. Pengkarya dalam konteks teori ini menekankan bahawa penulis boleh menggunakan karya mereka yang benar-benar berunsurkan Islam berlandaskan ilmu keislaman dan kesusasteraan yang mereka ada. Oleh itu, seseorang mesti memahami kepercayaan Islam, bukan sekadar mempelajari prinsip asas (Rukun Islam dan Rukun Iman), tetapi juga

mempraktikkannya dalam kehidupan mereka. Terdapat beberapa ayat dalam al-Quran, seperti Surah al-Kahfi Ayat 65 dan Surah Saba' Ayat 6, yang menguatkan idea bahawa setiap orang yang beragama Islam harus meneroka ilmu dengan sebaik mungkin.

Prinsip ketujuh menunjukkan bahawa khalayak dan pembaca membentuk insan Kamil melalui karya yang bersifat Takmilah (sempurna). Dalam teori ini, "khalayak" merujuk kepada cara pembaca atau pengkaji menerima karya sastera yang ditulis oleh seseorang penulis dengan semangat moral yang mendorong mereka untuk belajar. Khalayak dilihat dalam konteks ini sama ada sebagai individu atau sebagai jemaah, atau kelompok besar, dalam komuniti masyarakat yang mengikuti perkembangan karya sastera Islam yang ditulis oleh seseorang penulis.

Secara keseluruhannya, pengkaji telah memilih prinsip pertama iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal, prinsip kedua prinsip kerasulan sebagai insan Kamil, dan prinsip ketiga iaitu prinsip keislaman yang bersifat Akmal.

### **3.5.2 Struktural**

Struktural adalah merujuk kepada susunan dan elemen dalam pembentukan sesebuah cerita dalam penghasilan karya sastera. Struktural juga merupakan elemen penting bagi menarik pembaca untuk berminat dengan penulisan yang dihasilkan melalui jalan penceritaan yang menarik. Aspek yang dilihat melalui novel Puteri Duyung karya

Muhamed Jusoh ialah dari segi ringkasan cerita iaitu dari segi permulaan pembukaan cerita yang memberi gambaran terhadap penulisan dalam novel tersebut. Selain itu, dilihat dari segi latar iaitu tempat dan suasana dalam cerita ini. Seterusnya dari segi penggunaan bahasa. Novel ini banyak menggunakan kata-kata atau hadis yang menggambarkan novel ini intipatinya adalah ke arah islamik. Oleh itu, melalui aspek bahasa dan jalan cerita yang disampaikan ini pengkaji dapat jadikan sebagai bahan hasil kajian dalam melengkapkan penulisan pengkaji iaitu berkaitan unsur-unsur Islam dalam novel Puteri Duyung. Pemaparan kosa kata yang baik dan isi kandungan yang jelas dapat memudahkan pengkaji untuk memperoleh hasil dapatan yang bersesuaian dengan kajian.

### **3.6 Instrumen Kajian**

Instrumen kajian adalah alat atau cara yang pengkaji gunakan dalam proses menyiapkan penulisan ini bagi pengumpulan data dan maklumat agar objektif kajian berhasil dilaksanakan. Perolehan maklumat bagi objektif kajian, pengkaji telah menggunakan novel Puteri Duyung karya Mohamed Jusoh melalui penelitian setiap bab yang terkandung di dalam novel. Tujuannya, bagi mengenalpasti unsur-unsur Islam yang terdapat dalam novel Puteri Duyung tersebut. Selain itu, untuk objektif kedua pengkaji telah menganalisis unsur-unsur Islam dalam novel Puteri Duyung yang dikaitkan dengan teori Takmilah. Objektif terakhir ialah menganalisis kepentingan unsur-unsur Islam yang diterapkan dalam karya sastera. Jelaslah bahawa, kaedah yang digunakan adalah tunjang dalam penghasilan kajian yang dilaksanakan ini.

### **3.7 Rumusan**

Kesimpulannya, pada bahagian bab 3 ini, kita dapat menganalisis data-data yang diperlukan untuk kajian. Setiap data yang diperoleh melalui beberapa proses dan kaedah agar pemerolehan data adalah tepat dan benar. Justeru itu, pada bahagian bab ini, disusun secara teratur kaedah kajian agar pengkaji dapat membuat tinjauan dalam pemerolehan data dengan betul. Pengkaji menganalisis teks iaitu menggunakan kaedah kualitatif dan dibantu oleh kaedah kepustakaan, laman sesawang dan tekstualiti. Selain itu, data pemerolehan data juga dikumpul melalui pemprosesan data, bacaan dan juga analisis data.

## BAB 4

### ANALISIS KAJIAN

#### 4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan berkaitan dengan dapatan dan analisis kajian bagi menjawab dua objektif dalam kajian ini. Objektif pertama ialah berkaitan unsur-unsur Islam yang terdapat dalam novel Puteri Duyung. Pengkaji akan menyenaraikan dan menghurai unsur Islam yang terdapat dalam novel tersebut. Manakala objektif kedua ialah unsur-unsur Islam yang dikaitkan dengan teori takmilah. Pada bahagian objektif kedua pengkaji akan menghuraikan unsur Islam menggunakan teori takmilah. Teori Takmilah ini diasaskan oleh Shafie Abu Bakar. Pemilihan teori ini kerana ia adalah teori sastera Islam dan bersesuaian digunakan untuk analisis kajian ini. Pemaparan unsur Islam yang dikaji adalah berfokus kepada sebuah novel yang bertajuk Puteri Duyung karya Mohamed Jusoh.

#### 4.2 Unsur-Unsur Islam Yang Terdapat Dalam Novel *Puteri Duyung*

##### 4.2.1 Penggunaan Nama Tokoh Ulama

Tokoh ulama adalah individu yang diakui memiliki pengetahuan yang mendalam terhadap ilmu agama Islam. Mereka seringkali memiliki keahlian dalam bidang-bidang seperti tafsir (penafsiran Al-Quran), hadis (tradisi Nabi Muhammad), fikih (hukum Islam), dan ilmu-ilmu keagamaan lainnya. Tokoh ulama memainkan peranan penting sebagai pemimpin berkaitan keagamaan dalam masyarakat Islam.

Kehadiran mereka bertujuan untuk memberikan panduan dan penjelasan berkaitan ajaran Islam serta menjawab pertanyaan yang menjadi persoalan berkaitan dengan keagamaan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 1703-1759) tokoh ialah orang kenamaan yang mana dapat dilihat dalam apa-apa bidang seperti bidang politik, kebudayaan, agama dan banyak lagi serta ianya akan dihormati oleh kawan maupun lawan. Ulama ialah orang yang pakar dalam pengetahuan agama Islam. Buktinya dapat dilihat pada petikan di bawah:

Tok Syeikh Duyong, dulu, berguru dengan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas, seorang mufti Terengganu

(Mohamed Jusoh, 2020: 40)

Petikan di atas dapat dilihat adanya unsur Islam melalui penggunaan nama tokoh ulama. Hal ini demikian kerana, nama tokoh ulama adalah nama yang diberikan kepada para ahli ilmu agama Islam yang memiliki keilmuan, ketaatan dan pengaruh yang besar dalam masyarakat. Sebagai contoh, setiap orang yang beragama Islam mesti belajar dengan guru mereka supaya ajaran yang mereka berikan adalah benar dan tepat, seperti yang ditunjukkan dalam petikan di atas di mana Tok Syeikh Duyong berguru dengan Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas. Oleh itu, setiap umat islam perlu menuntut ilmu dengan tokoh agama agar mereka mendapatkan ilmu yang bermanfaat, benar dan sesuai dengan syariat Islam.

#### **4.2.2 Ucapan Astaghfirullah**

Agama Islam amat menganjurkan umatnya supaya melafazkan kalimat-kalimat istighfar. Salah satu yang dapat kita lihat ialah kalimat Astaghfirullah. Kalimat tersebut sudah pasti tidak asing lagi bagi umat Islam. Umat Islam sering kali mengungkapkan kalimat istighfar dan mengamalkan zikir tersebut dalam kehidupan seharian. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 86) Astaghfirullah bermaksud Ya Allah, ampunilah aku selain itu, ia juga digunakan untuk menyatakan kehairanan dan juga situasi terkejut. Melalui ucapan ini, ia menggambarkan seseorang itu, betul- betul menginsafi akan kesalahan yang dilakukan serta tidak akan melakukan kesalahan yang sama. Lafaz ini bukan sekadar zikir semata- mata malahan jika dilafazkan banyak kali ianya dapat mencegah diri dari melakukan perbuatan yang salah di sisi agama. Pengucapan ini juga dapat memberi ketenangan hati kepada mereka yang melafazkan. Selain itu, zikir ini dilafaz bagi tujuan agar Allah memberi keampunan di atas segala dosa yang telah dilakukan sengaja mahupun tidak sengaja. Ucapan tersebut dapat dilihat pada petikan di bawah:

Astaghfirullah... tak elok merenung anak dara orang, ucapnya kesal.Mat Amin terfikir, mungkin wanita itu ibu kepada salah seorang murid sekolah. "Tapi, nampak muda sangat nak jadi mak budak... fikirnya pula.

(Mohamed Jusoh, 2020: 40)

Petikan di atas dapat dilihat adanya unsur Islam melalui ucapan Astaghfirullah. Dapat dilihat pada petikan di atas Mat Amin segera melafazkan ucapan Astaghfirullah selepas dia termenung akan seorang wanita yang baru dilihatnya. Wanita itu sangat muda menyebabkan dia terfikir siapakah si gadis jelita lagi rupawan itu. Selepas menyedari perbuatannya itu salah dia terus beristighfar dan mengalihkan pandangannya ke arah lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa mengucapkan Astaghfirullah memberi kesedaran diri terhadap seseorang akan dosa dan kesalahan yang telah dilakukan, serta segera kembali untuk bertaubat kepada Allah. Selain itu, ungkapan ini juga menzahirkan akan kelemahan manusia iaitu mengakui bahawa manusia tidak sempurna dan mudah melakukan kesalahan, secara tidak langsung keadaan ini dapat membantu memupuk kerendahan hati dalam diri individu tersebut. Jelas membuktikan bahawa adanya unsur Islam melalui pengucapan Astaghfirullah, kerana dalam agama Islam jika seseorang itu melakukan kesalahan hendaklah menyebut lafaz tersebut.

#### **4.2.3 Ucapan Assalamualaikum**

Assalamualaikum adalah satu lafaz atau ucapan yang diungkapkan sebelum memulakan percakapan, sebelum masuk rumah mahupun ketika terserempak dengan sesiapa saja. Ucapan ini boleh menimbulkan keselesaan kepada mereka yang mendengar. Secara tidak langsung, melalui salam ini, mereka telah mendoakan akan kebaikan untuk yang mendengarnya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 86) Assalamualaikum bermaksud selamat sejahtera kepada kamu semua tidak kira

lelaki maupun perempuan. Ucapan salam juga adalah ungkapan atau perkataan yang digunakan sebagai tanda penyambutan atau salam menyapa. Dalam konteks agama Islam, "Assalamualaikum" adalah contoh ucapan salam yang umum digunakan. Ucapan salam memainkan peranan penting dalam budaya berbagai masyarakat sebagai tanda hormat antara satu sama lain. Petikan di bawah menunjukkan ucapan salam yang terdapat pada petikan teks:

Assalamualaikum, cikgu ke ni? kedengaran suara halus dan manis keluar dari mulut wanita itu.

Waalaikumussalam. Y-ya, saya, Ada apa-apa yang boleh saya bantu? jawab Mat Amin.

Wanita itu menghembuskan nafas lega. Oh, saya nak tanya, bilik Guru Besar di mana, ya?

(Mohamed Jusoh. 2020: 41)

Petikan di atas dapat dilihat adanya unsur Islam melalui pengucapan Assalamualaikum. Ucapan salam itu telah diungkapkan dari seorang wanita kepada Mat Amin. Wanita itu memulakan teguran dengan memberi ucapan salam sebelum bertanya di mana bilik Guru besar memandangkan dia baru pertama kali menjajakkan kaki ke sekolah tersebut. Di sini, jelas mnggambarkan dalam Islam sebelum memulakan percakapan, perlunya diawali dengan salam. Jelas terbukti Islam amat mementingkan adab dan sopan.

#### **4.2.4 Solat**

Solat bermakna doa dalam bahasa. Ia terdiri daripada pelbagai ucapan dan tindakan yang dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam, dan ia mempunyai syarat tertentu. Menurut bahasa, salat bermaksud doa. Dalam istilah, ia terdiri daripada beberapa ucapan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam, dan ia mempunyai syarat tertentu. Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 1514) mentakrifkan solat sebagai sembahyang dalam Islam. Paparan teks di bawah menukkan ibadah solat yang terdapat dalam teks:

Menyedari dia terkejut daripada tidur pada dua pertiga malam, Mat Amin terus ke bilik air. Alang-alang sudah terbangun daripada tidur, dia mahu terus mengambil wuduk dan bersolat sunat tahajud, taubat, dan hajat yang masing-masing dua rakaat dan diakhiri dengan tiga rakaat solat sunat witir.

(Mohamed Jusoh, 2020: 2)

Petikan di atas menunjukkan bagaimana Mat Amin tersedar daripada tidur dan bergegas ke tandas untuk melakukan solat sunat seperti tahajud, taubat dan hajat. Dalam Islam, solat adalah bentuk ibadah yang melibatkan bercakap secara langsung dengan Allah. Seseorang boleh mendapat banyak faedah dengan melakukan solat. Salah satu daripada faedah ini ialah ia boleh membantu seseorang mengekalkan rutin harian yang teratur dan memupuk salasihah yang baik dalam kehidupan harian mereka.

#### **4.2.5 Membaca Al-Quran**

Membaca Kalam Allah, yang dimulai dengan Surah Al-Fatihah dan diakhiri dengan Surah Al-Nas, adalah mukjizat baginda s.a.w dan dianggap sebagai ibadah. Kalam itu juga diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w secara mutawatir melalui Malaikat Jibril a.s. Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 39) menyatakan bahawa al-Quran ialah kitab suci agama Islam. Al-Quran ialah kitab suci yang menyatakan arahan Allah SWT. Seperti yang dinyatakan oleh Huzaemah Tahido Yanggo (2016: 2), Al-Quran adalah bentuk masdardari qara'a, yang bermaksud bacaan. Saranan membaca Al-Quaran dapat dilihat pada petikan di bawah:

Saya mahu kita ikut pengajian tafsir al-Quran ini sebab ramai antara kita belajar al-Quran ni hanya berkisar kepada tajwid, nahu, dan gaya bacaan saja. Padahal, kita perlu faham apa maksud ayat-ayat al-Quran itu supaya kita lebih memahami apa yang dibaca dan dipelajari. Ini adalah salah satu tuntutan Islam, "jelas Tok Guru Wan Dut.

(Mohamed Jusoh,, 2020: 12)

Petikan di atas menunjukkan elemen Islam dalam perkataan al-Quran. Sebagai Imam masjid, Tok Guru Wan Dut sangat membantu jemaah mengikuti pengajian bersama. Dalam mentafsir al-Quran. Ini disebabkan oleh fakta bahawa tafsiran ayat-ayat al-Quran boleh membantu masyarakat memahami al-Quran dengan lebih mendalam. Sangat penting untuk memahami al-Quran kerana ia mengandungi nasihat dan arahan dari Allah.

#### **4.2.6 Adanya Batas Pergaulan**

Peraturan atau piawaian yang mengawal cara seseorang berinteraksi dan bercakap dengan orang lain dipanggil batas pergaulan. Ini termasuk etika, nilai sosial dan norma budaya yang mempengaruhi tingkah laku dalam persekitaran sosial. Batasan pergaulan boleh termasuk perkara seperti sopan santun, undang-undang, adab, dan prinsip moral yang mempengaruhi cara orang berinteraksi satu sama lain dalam masyarakat. Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 134) menyatakan bahawa batas ialah had atau tahap sesuatu yang paling tinggi, objektif atau keputusan yang tidak boleh dilepasi. Petikan di bawah menunjukkan situsi batas pergaulan.

Baiklah, sekarang, Cikgu nak awak semua buat kumpulan. Satu kumpulan, lima orang saja. Tak perlu ikut kelas. Pelajar perempuan dengan pelajar perempuan. Pelajar lelaki dengan pelajar lelaki. Jangan campur, ya.

(Mohamed Jusoh, 2020: 66)

Petikan di atas jelas menunjukkan unsur Islam yang dapat dilihat pada perkataan batas pergaulan. Mat Amin menyuruh para pelajar membuat satu kumpulan yang terdiri daripada lima orang pelajar tanpa menggabungkan jantina. Mat Amin selaku guru sejarah yang penuh dengan dedikasi amat mementingkan adab pergaulan dalam mendidik pelajarnya. Beliau tidak mahu pelajarnya bergaul bebas, walaupun masih sekolah rendah. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya.

#### **4.2.7 Doa**

Doa adalah bentuk komunikasi yang bersifat rohani di mana seseorang berbicara dengan Tuhan dengan penuh keyakinan. Doa ialah satu bentuk permohonan, tanda syukur, dan juga pujian khusus dituju kepada Tuhan pencipta semesta alam. Dalam pelbagai tradisi agama, doa menjadi cara bagi individu untuk mengungkapkan sesuatu rasa. Doa sering dilakukan sebagai bentuk ibadah dan memainkan peranan penting dalam kehidupan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 358) doa ialah permohonan iaitu permintaan kepada Tuhan. Rutin amalan berdoa dapat dilihat pada teks di bawah:

Saya doakan murid pilihan Cikgu Wan dapat sama-sama berusaha bawa kejayaan untuk kelab bola jaring sekolah ni. In sya Allah, ucap Mat Amin ikhlas.

In sya Allah.

(Mohamed Jusoh, 2020: 83)

Petikan di atas menunjukkan unsur Islam iaitu mendoakan kejayaan pelajar yang dapat dilihat pada watak Mat Amin. Mat Amin meyakini bahawa sesuatu yang akan berlaku perlunya bermunajat melalui doa. Doa adalah senjata bagi orang mukmin kerana doa dapat mengubah sesuatu yang berlaku dengan kehendak Allah s.w.t. Doa yang penuh dengan keyakinan dan pengharapan adalah doa yang betul-betul ikhlas dan dapat dilihat bahawa Allah sangat berkuasa dalam sesatu urusan dan juga dalam menentukan takdir seseorang. Doa sebagai perisai dalam mengharapkan sesuatu yang diingini.

#### **4.2.8 Kuliah Maghrib**

Kuliah maghrib ialah Kelas pengajian dan pembelajaran ilmu-ilmu agama di mana ia dilaksanakan selepas menunaikan solat fardhu Maghrib. Kelas ini dipimpin oleh seorang ustaz yang arif dalam bidang agama. Kebiasaan masa yang diambil untuk membaca kitab dan menghurai isi kandungannya adalah dalam lingkungan 40 minit. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 845-975) perkataan kuliah dapat dibahagikan kepada beberapa maksud pertama pelajaran yang disampaikan secara bersyarah iaitu berpidato oleh mahaguru ataupun pensyarah di universiti. Bukti kuliah dapat dilihat pada teks di bawah:

Selepas semua jemaah masjid selesai berwirid dan berzikir, Tok Guru Wan Dut memulakan kuliah maghribnya. Mat Amin segera memenuhi ruang kosong di saf paling hadapan selepas beberapa jemaah meninggalkan masjid.

(Mohamed Jusoh, 2020: 83)

Petikan di atas jelas menunjukkan unsur Islam yang dapat dilihat apabila jemaah masjid selesai menghadiri kuliah maghrib. Hal ini dikatakan demikian kerana, kuliah maghrib adalah satu aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan ilmu agama dan amalan ibadah seorang muslim. Selain itu, kuliah merupakan salah satu acara untuk mengisi masa selepas solat magrib dengan perkara yang bermanfaat dan berkat. Sebagai contoh, dalam novel Puteri Duyung memaparkan jemaah masjid yang menghadiri kuliah maghrib untuk mengisi waktu lapang selepas solat magrib.

## **4.3 Unsur-Unsur Islam Yang Dikaitkan Dengan Teori Takmilah**

### **4.3.1 Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat Kamal**

Teori Takmilah terbahagi kepada tujuh prinsip. Pada bahagian analisis ini pengkaji telah memilih prinsip pertama iaitu prinsip kerasulan yang bersifat Kamal atau sempurna. Melalui prinsip ini, ianya menceritakan tentang kesempurnaan yang dimiliki oleh Allah SWT. Sempurna-Nya Allah dapat dilihat pada kejadian alam dan juga makhluk ciptaan-Nya iaitu manusia yang lengkap dengan akal fikiran dan dianggap sebaik-baik kejadian. Keadaan ini telah memperjelaskan lagi sifat kesempurnaan Allah. Prinsip ini juga berkait rapat dengan sifat Allah iaitu "kamal" dan juga "Jamal". Kamal ialah sempurna manakala Jamal ialah indah, melalui gabungan dua perkataan ini ianya menunjukkan sifat Allah yang sememangnya berhubung dengan manusia. Oleh itu, penggunaan teori ini akan menjadikan sesuatu itu sempurna. Fokus utama prinsip ini adalah berkaitan dengan tauhid kerana tauhid yang akan mampu membezakan agama Islam dan bukan Islam. Prinsip pertama yang berkaitan dengan ketauhidan kepada Allah dapat dilihat dalam novel Puteri Duyung yang telah dibahagikan kepada beberapa unsur Islam iaitu solat, membaca dan Doa.

### **Solat**

Menurut bahasa, solat bermaksud doa. Dalam istilah, ia terdiri daripada beberapa ucapan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam, serta ianya mempunyai syarat-syarat tertentu. Menurut pernyataan oleh Suhaimi Abu Hassan et al. (2019:1), solat adalah tiang agama, dan ibadat yang paling besar adalah

yang paling mendekatkan hamba dengan tuhannya. Ia juga mempunyai keupayaan untuk mendidik akhlak manusia kepada keperibadian yang tinggi. Solat fardu diwajibkan ke atas orang Islam yang baligh dan berakal sebanyak 5 kali sehari pada waktu-waktu tertentu. Pembuktian solat melalui teks dapat dilihat pada petikan di bawah:

Menyedari dia terkejut daripada tidur pada dua pertiga malam, Mat Amin terus ke bilik air. Alang-alang sudah terbangun daripada tidur, dia mahu terus mengambil wuduk dan bersolat sunat tahajud, taubat, dan hajat yang masing-masing dua rakaat dan diakhiri dengan tiga rakaat solat sunat witir.

(Mohamed Jusoh, 2020: 2)

Berdasarkan petikan di atas dapat kita lihat kelakuan Mat Amin apabila dia tersedar daripada tidur, dia terus bergegas ke tandas dan mengambil wuduk untuk melaksanakan solat sunat seperti tahajud, taubat dan hajat. Jelas terpapar sifat dan kelakuan yang ditunjukkan oleh Mat Amin menggambarkan dia seseorang yang mematuhi syariat Islam. Sebagaimana kita ketahui solat merupakan tiang agama bagi orang mukmin. Seseorang yang menuaikan solat bermakna dia telah melaksanakan tuntutan kewajipan ke atas dirinya. Oleh itu, unsur Islam yang dapat dilihat pada petikan tersebut ialah unsur Islam yang ada pada perkataan solat di mana Mat Amin selaku watak yang bertindak untuk melaksanakan solat.

Solat sesuai dikaitkan dengan prinsip pertama Teori Takmilah iaitu prinsip Ketuhanan yang bersifat Kamal. Ibadah solat yang dilaksanakan ini menunjukkan hanya kepada Allah tempat untuk meluahkan rasa syukur dan sebagai tempat untuk berkomunikasi dengan Allah. Solat merupakan satu ibadah wajib yang dituntut oleh

agama dan perlu dilaksanakan bagi setiap umat Islam. Perkara ini telah digariskan dalam rukun Islam yang kedua. Hal ini dikatakan demikian kerana, solat adalah ibadah yang paling penting dalam hidup seorang muslim. Seseorang Muslim yang menjalankan solat fardu sebanyak lima kali setiap hari seolah-olah menegakkan agamanya. Apabila seseorang meninggalkan solat, ia bermakna mereka tidak mahu berusaha untuk memperbaiki agama mereka sepenuhnya. Oleh itu solat merupakan satu ibadah yang penting dalam hidup seorang muslim kerana ia merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap muslim.

### **Membaca Al-Quran**

Kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w secara mutawatir melalui perantara Malaikat Jibril a.s yang dimulai dengan Surah Al-Fatiyah dan diakhiri dengan Surah Al-Nas serta membacanya dikira ibadah dan ia merupakan mukjizat baginda s.a.w. Menurut Huzaemah Tahido Yanggo (2016: 2), Al-Quran adalah bentuk masdardari qara'a, yang berarti bacaan. Kata ini juga bermaksud kitab suci yang diberikan oleh Allah Swt kepada Rasul-Nya Muhammad Saw. Al Quran ialah kalam Allah di mana kandungannya penuh mukjizat. Al- Quran diturunkan melalui perantaraan malaikat Jibril kepada baginda Nabi Muhammad SAW. Al-Quran mengandungi sebanyak 323,661 huruf, 77437 kalimah, 6236 ayat, 114 Surah dan 30 juzu'. Petikan di bawah menujukkan pembacaan Al-Quran:

Saya mahu kita ikut pengajian tafsir al-Quran ini sebab ramai antara kita belajar al-Quran ni hanya berkisar kepada tajwid, nahu, dan gaya bacaan saja. Padahal, kita perlu faham apa maksud ayat-ayat al-Quran itu supaya kita lebih memahami apa yang dibaca dan dipelajari. Ini adalah salah satu tuntutan Islam, jelas Tok Guru Wan Dut.

(Mohamed Jusoh, 2020: 12)

Petikan di atas jelas menggambarkan unsur Islam yang dapat dilihat pada perkataan al-Quran. Tok Guru Wan Dut selaku Imam masjid memainkan peranan penting dalam menyeru para jemaah supaya bersama-sama mengikuti pengajian dalam mentafsir isi kandungan al-Quran. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui tafsiran ayat al-Quran ia dapat membantu masyarakat supaya dapat memahami makna al-Quran dengan lebih terperinci. Pemahaman makna al-Quran sangat penting kerana ianya mengandungi nasihat dan pesanan dari Allah. Pentingnya mendalami tafsir Al-Quran mencerminkan usaha untuk memperdalam keyakinan, membimbing hidup sesuai ajaran Islam, dan memperkuat hubungan dengan Allah.

Amalan membaca Al-Quran boleh dikaitkan dengan prinsip pertama iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal. Hal ini dikatakan demikian kerana Al-Quran merupakan kalam suci dari Allah kepada hamba-Nya yang bertaqwah. Jika seseorang muslim itu membaca Al-Quran dan menghayati isi kandungannya ia akan dapat memberi manfaat kepada dirinya. Antara manfaat yang diperolehi kepada pembaca ialah akan menyebabkan seseorang itu terhindar daripada melakukan perbuatan yang dilarang oleh Allah SWT. Al-Quran juga sebagai pelengkap kehidupan seseorang

muslim dan ia juga menjadi panduan hidup agar seseorang itu dapat mengikut syariat Islam yang sebenar. Sebagai contoh Al-Quran mempunyai keistimewaan yang tersendiri dari segi hukum hakam, sejarah nabi terdahulu dan sebagainya. Oleh itu, Islam menyeru umatnya agar sentiasa membaca Al-Quran. Penulis telah memasukkan unsur membaca Al-Quran untuk mengajak pembaca mendekatkan diri kepada Allah. Pembacaan yang ikhlas akan menyebabkan jiwa seseorang itu berasa tenang. Jelas membuktikan Allah bersifat Kamal dapat dilihat dari kitab suci Al-Quran yang cukup sempurna kerana isi kandungan Al-Quran berkekalan hingga kini.

### **Doa**

Doa adalah bentuk komunikasi yang bersifat rohani di mana seseorang berbicara dengan Tuhan dengan penuh keyakinan. Doa ialah satu bentuk permohonan, tanda syukur, dan juga pujian khusus dituju kepada Tuhan pencipta semesta alam. Dalam pelbagai tradisi agama, doa menjadi cara bagi individu untuk mengungkapkan sesuatu rasa. Doa sering dilakukan sebagai bentuk ibadah dan memainkan peranan penting dalam kehidupan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 358) doa ialah permohonan iaitu permintaan kepada Tuhan. Secara etimologi, kata Abdul Wahab Rosyidi (2012: 1), maksud doa adalah meminta sesuatu kepada Allah SWT dengan cara tertentu. Dapat dilihat pada petikan di bawah petikan yang menunjukkan seseorang itu berdoa:

Saya doakan murid pilihan Cikgu Wan dapat sama-sama berusaha bawa kejayaan untuk kelab bola jaring sekolah ni. In sya Allah, ucap Mat Amin ikhlas.

In sya Allah.

(Mohamed Jusoh 2020: 83)

Sebab itu, kita perlu sentiasa memohon kepada Allah agar menempatkan kita dalam kalangan para anbiya', para siddiqin, para syuhada', dan para solihin pada Hari Pembalasan nanti. Sesungguhnya, kepada Allah jugalah kita sembah, memohon pertolongan, serta meminta petunjuk ke jalan yang lurus, sambung guru tua itu.

( Mohamed Jusoh, 2020: 30)

Petikan di atas menunjukkan unsur Islam iaitu mendoakan kejayaan pelajar yang dapat dilihat pada watak Mat Amin. Mat Amin meyakini bahawa sesuatu yang akan berlaku perlunya bermunajat melaui doa. Doa adalah senjata bagi orang mukmin kerana doa dapat mengubah sesuatu yang berlaku dengan kehendak Allah s.w.t. Petikan di atas menunjukkan nasihat daripada Tok Guru Wan Dut kepada para jemaah di masjid. Beliau berpesan dan memberi nasihat kepada para jemaah supaya sentiasa berdoa dan memohon pertolongan daripada Allah. Pesannya kepada semua supaya meminta pada Allah agar di Hari Pembalasan nanti kita akan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang baik dan para nabi serta para syuhada. Tok Guru Wan Dut berpesan lagi, katanya hanya Allah sahaja yang berhak disembah dan tempat untuk meminta segala pertolongan agar sentiasa dipandu ke arah jalan yang lurus. Doa yang penuh dengan keyakinan dan pengharapan adalah doa yang betul-betul ikhlas dan dapat dilihat bahawa Allah sangat berkuasa dalam sesutu urusan dan juga dalam menentukan takdir seseorang. Doa sebagai perisai dalam mengharapkan sesuatu yang diingini.

Unsur Islam doa ataupun berdoa sangat sesuai dengan prinsip pertama teori Takmilah iaitu prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui ucapan oleh cikgu Mat iaitu akan berdoa untuk kejayaan pelajar cikgu Wan dan juga pesanan yang diungkapkan oleh Tok Guru Wan Dut berkaitan pentingnya berdoa dan meminta pertolongan dari Allah telah menggambarkan bahawa Allah itu Maha Pemberi Rezeki dan Allah jualah yang mampu mengabulkan segala permintaan. Seseorang muslim yang seringkali berdoa dalam hidupnya ia akan dapat menambahkan lagi keimanan dan kepercayaan kepada Allah. Selain itu, melalui

berdoa juga secara tidak langsung akan menambahkan lagi keyakinan dan pengharapan hanya untuk Allah. Oleh itu, agama Islam menggesa umatnya untuk sentiasa bergantung harap kepada Allah SWT dalam apa juu keadaan.

#### **4.3.2 Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil**

Prinsip kedua yang akan dikaitkan dengan unsur Islam ialah prinsip kerasulan sebagai insan Kamil. Rasulullah SAW adalah insan Kamil yang mana dapat dilihat dari segi keperibadian yang mulia dan kisah hidupnya yang begitu banyak berjasa dalam menegakkan ajaran Islam. Sifat pribadi Rasulullah juga ada tercatat dalam hadis mahupun Al-Quran. Rasulullah SAW telah mendapat gelaran al-Amin yang bermaksud seorang yang jujur. Rasulullah SAW sangat jujur dalam memimpin, mentadbir, dan dalam menjadi panglima perang. Baginda juga seorang rasul yang memiliki rohani yang tinggi dalam setiap keperibadiannya iaitu jiwa yang hampir

dengan Allah SWT dan sebagai insan Kamil (manusia sempurna). Menurut Samsina, (2001:17) Rasulullah memilik peribadi yang mulia dan akhlak yang terpuji serta luar biasa dari Baginda masih kanak-kanak sehingga wafat. Pengaplikasian prinsip kedua yang berkaitan dengan kerasulan sebagai insan Kamil dapat dilihat dalam novel Puteri Duyung yang telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu batas pergaulan dan kuliah maghrib.

### **Adanya Batas Pergaulan**

Batas pergaulan merujuk kepada norma-norma atau garis panduan yang mengawal cara individu berinteraksi dan berkomunikasi dengan orang lain. Ia melibatkan etika, nilai-nilai sosial, dan norma-norma budaya yang mempengaruhi tingkah laku dalam situasi sosial. Batas pergaulan boleh melibatkan aspek-aspek seperti sopan santun, hukum, adab, dan nilai-nilai moral yang mempengaruhi interaksi antara individu dalam masyarakat. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 134) batas ialah had atau paras sesuatu yang paling tinggi, matlamat atau ketentuan yang tidak boleh dilampaui.

Baiklah, sekarang, Cikgu nak awak semua buat kumpulan. Satu kumpulan, lima orang saja. Tak perlu ikut kelas. Pelajar perempuan dengan pelajar perempuan. Pelajar lelaki dengan pelajar lelaki. Jangan campur, ya.

(Mohamed Jusoh, 2020: 66)

Petikan di atas jelas menunjukkan unsur Islam yang dapat dilihat pada perkataan batas pergaulan. Mat Amin menyuruh para pelajar membuat satu kumpulan yang terdiri daripada lima orang pelajar tanpa menggabungkan jantina. Mat Amin selaku guru sejarah yang penuh dengan dedikasi amat mementingkan adab pergaualan dalam mendidik pelajarnya. Beliau tidak mahu pelajarnya bergaul bebas, walaupun masih sekolah rendah. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Menjaga batas pergaulan boleh dikaitkan dengan teori Takmilah prinsip kedua iaitu kerasulan sebagai insan Kamil. Keperibadian yang ada pada diri Rasulullah SAW dapat dilihat pada watak Cikgu Mat. Baginda Rasulullah amat menjaga batas pergaulan dalam kehidupan sehariannya. Meskipun dia bergelar sebagai pemimpin, namun Baginda tetap menjaga pandangan ketika berucap kerana adanya percampuran antara wanita dan lelaki. Pengarang telah memaparkan watak Cikgu Mat yang mementingkan batas pergaulan antara lelaki dan wanita meskipun baru sekolah rendah. Islam menyeru agar wanita dan lelaki haruslah menjaga batas pergaulan agar tidak terjerumus ke lembah zina. Oleh itu pentingnya menjaga batas pergaulan agar kehormatan seseorang dapat terjaga.

### Kuliah Maghrib

Kuliah maghrib ialah Kelas pengajian dan pembelajaran ilmu-ilmu agama di mana ia dilaksanakan selepas menunaikan solat fardhu Maghrib. Kelas ini dipimpin oleh seorang ustaz yang arif dalam bidang agama. Kebiasaan masa yang diambil untuk

membaca kitab dan menghurai isi kandungannya adalah dalam lingkungan 40 minit. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 845-975) perkataan kuliah dapat dibahagikan kepada beberapa maksud pertama pelajaran yang disampaikan secara bersyarah iaitu berpidato oleh mahaguru ataupun pensyarah di universiti. Kuliah maghrib adalah tempat di mana hujah dan dalil boleh digunakan untuk membincangkan dan menyelesaikan isu penting dan semasa. Buktinya pada petikan di bawah:

Selepas semua jemaah masjid selesai berwirid dan berzikir, Tok Guru Wan Dut memulakan kuliah maghribnya. Mat Amin segera memenuhi ruang kosong di saf paling hadapan selepas beberapa jemaah meninggalkan masjid.

(Mohamed Jusoh, 2020: 83)

Petikan di atas jelas menunjukkan unsur Islam yang dapat dilihat apabila jemaah masjid selesai menghadiri kuliah maghrib. Hal ini dikatakan demikian kerana, kuliah maghrib adalah satu aktiviti yang bertujuan untuk meningkatkan ilmu agama dan amalan ibadah seorang muslim. Sebagai contoh, dalam novel Puteri Duyung memaparkan jemaah masjid yang menghadiri kuliah maghrib untuk mengisi waktu lapang selepas solat magrib. Oleh itu, setiap umat islam perlu mengambil kesempatan untuk menghadiri kuliah maghrib yang disampaikan oleh para ustaz dan usatazah yang berlimu dan beramal. Retetan daripada perkara ini, umat Islam boleh mengamalkan ajaran yang diberikan dalam kuliah maghrib dalam kehidupan seharian.

Kuliah Maghrib sesuai dikaitkan dengan teori kedua iaitu prinsip kerasulan sebagai insan Kamil. Peranan Rasulullah SAW adalah sebagai penyebar dan penyempurna akidah tauhid. Watak tok guru Wan Dut yang menyampaikan Kuliah Maghrib telah mencontohi peribadi Rasulullah yang suka menyebarkan dakwah walau di mana jua Baginda berada. Penyampaian Kuliah ini adalah bagi menjentik hati mereka yang keras dan mengajak golongan muda khasnya, agar tidak terpesong arah

dengan kenikmatan dunia. Kuliah yang disampaikan sedikit sebanyak dapat memberi ilmu baru kepada para jemaah. Penyampaian kuliah oleh ustaz mahupun ustazah adalah sebagai penyambung dakwah nabi yang mana untuk memberi kesedaran kepada umat manusia agar menyembah Allah dan kembali kepada pangkal jalan.

#### **4.3.3 Prinsip Keislaman Yang Bersifat Akmal**

Melalui prinsip ketiga teori Takmilah, Shafie Abu Bakar (1996.29) ingin menjelaskan bahawa Islam sebagai agama yang sempurna dan mampu menyempurnakan segala aspek kehidupan manusia, termasuk aspek berkreativiti (bersastera). Oleh itu, penghasilan karya sastera Islam termasuk puisi, novel adalah berperanan untuk membentuk individu, masyarakat dan seluruh umat bagi mempraktikkan kesyumulan Islam.

## **Ucapan Assalamualaikum**

Assalamualaikum adalah satu lafaz atau ucapan yang diungkapkan sebelum memulakan percakapan, sebelum masuk rumah mahupun ketika terserempak dengan sesiapa saja. Ucapan ini boleh menimbulkan keselesaan kepada mereka yang mendengar. Secara tidak langsung, melalui salam ini, mereka telah mendoakan akan kebaikan untuk yang mendengarnya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 86) Assalamualaikum bermaksud selamat sejahtera kepada kamu semua tidak kira lelaki mahupun perempuan. Teks di bawah memaparkan ucapan salam:

Assalamualaikum, cikgu ke ni? kedengaran suara halus dan manis keluar dari mulut wanita itu.

Waalaikumussalam. Y-ya, saya, Ada apa-apa yang boleh saya bantu? jawab Mat Amin.

Wanita itu menghembuskan nafas lega. "Oh, saya nak tanya, bilik Guru Besar di mana, ya?

(Mohamed Jusoh, 2020: 41)

Petikan di atas dapat dilihat adanya unsur Islam melalui pengucapan Assalamualaikum. Ucapan salam itu telah diungkapkan dari seorang wanita kepada Mat Amin. Wanita itu memulakan teguran dengan memberi ucapan salam sebelum bertanya di mana bilik Guru besar memandangkan dia baru pertama kali menjajakkan kaki ke sekolah tersebut. Di sini, jelas mnggambarkan dalam Islam sebelum memulakan percakapan, perlunya diawali dengan salam. Jelas terbukti Islam amat mementingkan adab dan sopan.

Ucapan Assalamualaikum dapat dikaitkan dengan prinsip ketiga iaitu keislaman yang bersifat Akmal. Prinsip ini nemperihatkan konsep keimanan yang dapat dilihat oleh masyarakat melalui amalan pematuhan dan sikap seseorang dalam mematuhi syariat Islam yang telah ditetapkan. Ucapan salam yang diberikan oleh seorang wanita kepada cikgu Mat menunjukkan seseorang itu penuh dengan adab dan sopan serta tatatertib yang baik meskipun dengan orang yang tidak dikenalinya. Agama Islam amat menganjurkan umatnya memberi salam walau di mana keberadaan sekalipun. Tambahan pula, di sebalik Ucapan salam ada maksud yang tersendiri iaitu selamat sejahtera atas kamu, semoga mendapat keberkatan dari Allah. Melalui sikap dan amalan tersebut dapat kita lihat bahawa Islam mengajarkan umatnya untuk bertegur sapa namun dimulakan dengan salam.

### **Ucapan Astaghfirullah**

Agama Islam amat menganjurkan umatnya supaya melafazkan kalimat-kalimat istighfar. Salah satu yang dapat kita lihat ialah kalimat astaghfirullah. Kalimat tersebut sudah pasti tidak asing lagi bagi umat Islam. Umat Islam sering kali mengungkapkan kalimat istighfar dan mengamalkan zikir tersebut dalam kehidupan seharian. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015: 86) astaghfirullah bermaksud Ya Allah, ampunilah aku selain itu, ia juga digunakan untuk menyatakan kehairanan dan juga situasi terkejut. Selain itu, zikir ini dilafaz bagi tujuan agar Allah memberi keampunan di atas segala dosa yang telah dilakukan sengaja maupun tidak sengaja.

Astaghfirullah... tak elok merenung anak dara orang, ucapnya kesal. Mat Amin terfikir, mungkin wanita itu ibu kepada salah seorang murid sekolah. Tapi, nampak muda sangat nak jadi mak budak... fikirnya pula.

(Mohamed Jusoh, 2020: 40)

Petikan di atas dapat dilihat adanya unsur Islam melalui ucapan Astaghfirullah. Dapat dilihat pada petikan di atas Mat Amin segera melafazkan ucapan Astaghfirullah selepas dia termenung akan seorang wanita yang baru dilihatnya. Wanita itu sangat muda menyebabkan dia terfikir siapakah si gadis jelita lagi rupawan itu. Selepas menyedari perbuatannya itu salah dia terus beristighfar dan mengalihkan pandangannya ke arah lain. Keadaan ini menunjukkan bahawa mengucapkan Astaghfirullah memberi kesedaran diri terhadap seseorang akan dosa dan kesalahan yang telah dilakukan, serta segera kembali untuk bertaubat kepada Allah.

Ucapan Astaghfirullah bersesuaian dengan prinsip ketiga iaitu prinsip keislaman yang bersifat Akmal. Ucapan Astaghfirullah adalah salah satu syariat Islam yang dituntut untuk dilaksanakan. Pengucapan Astaghfirullah akan diungkapkan apabila seseorang itu terlepas kata-kata yang kurang sopan atau apabila dalam keadaan ketakutan. Pengharapan yang diberikan hanya pada Allah Tuhan semesta alam. Tuntutan Astaghfirullah bagi memberi kesedaran kepada masyarakat agar mengamalkan tahmid, tasbih, dan juga zikir sebagai tanda syukur, dan juga taat pada Allah kerana terhindar dari perkara negatif. Islam amat menganjurkan umatnya agar melafazkan kata-kata yang baik dan boleh mendatangkan pahala kepada seseorang bukannya mendatangkan dosa.

## **4.4 Kepentingan Unsur-Unsur Islam Dalam Karya Sastera**

### **4.4.1 Sastera Sebagai Medium Dakwah**

Sastera atau kesusasteraan dianggap sebagai salah satu cara untuk menyampaikan prinsip, etika, dan pelajaran kepada masyarakat. Sastera juga boleh menjadi alat yang berkesan untuk menyebarkan ajaran dan prinsip agama dalam dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui sastera setiap elemen dakwah yang dinyatakan dapat memberi pengajaran kepada pembaca. Unsur Islam yang terdapat dalam karya sastera dapat mendekatkan diri seseorang insan kepada Allah s.w.t. melalui keimanan, ketaqwaan, dan juga mampu mengajak masyarakat untuk melaksanakan amal soleh dan menjauhi perkara yang dicegah. Sebagai contoh, karya sastera dapat menjadi saluran untuk menyampaikan nilai-nilai agama dan ajaran moral melalui watak-watak dalam cerita. Penulis juga dapat memberi gambaran bagaimana seseorang itu mampu berhadapan dengan ujian kehidupan. Oleh itu, sastera amat penting untuk dijadikan sebagai medium dakwah kerana penulisan yang baik dan bagus mampu memberi dan menyampaikan maklumat dan juga tatacara kehidupan yang mendapat redha ilahi.

#### **4.4.2 Unsur Islam Dapat Memberi Didikan Dan Bimbingan Kepada Pembaca**

Selain itu, unsur Islam juga dapat memberi didikan dan bimbingan kepada pembaca. Didikan dan bimbingan dapat diberi melalui penulisan nilai-nilai moral yang terkandung dalam karya sastera. Nilai-nilai seperti jujur, adil, dan mempunyai sikap kasih sayang yang ditonjolkan oleh penulis melalui watak dan juga perwatakan dalam novel mampu memberi penerapan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan sehari-hari masyarakat. Lain daripada itu, setiap masalah yang dihadapi dapat diselesaikan berlandaskan Islam. Sebagai contoh dalam karya sastera terdapat beberapa konflik yang dihadapi dan juga penyelesaian untuk konflik tersebut. Jadi, secara tidak langsung pembaca dapat mengetahui cara bagaimana untuk mengawasi keadaan yang rumit melalui pertimbangan ajaran Islam iaitu melalui cara berdamai, memohon maaf dan juga menyelesaikan konflik tersebut secara berterus terang. Cara dan kaedah yang ditunjukkan dalam karya secara tidak langsung dapat memberi didikan dan bimbingan secara terus kepada pembaca.

#### **4.4.3 Memberi Pengajaran Dan Pedoman Kepada Masyarakat**

Seterusnya, karya sastera yang menerapkan unsur Islam juga dapat memberi pengajaran dan pedoman kepada masyarakat. Masyarakat dapat mengetahui kesan negatif daripada tindakan yang dibuat secara melulu kepada seseorang. Pengajaran daripada kisah yang disampaikan melalui karya sastera dapat memberi pedoman

kepada masyarakat. Melalui itu, masyarakat akan berfikir dulu sebelum memulakan sebarang tindakan agar hal-hal negatif dapat dielakkan. Pengajaran yang diperoleh dalam karya sastera Islam mampu membantu masyarakat lebih berhati-hati dalam setiap perlakuan. Secara tidak langsung ianya dapat melahirkan ramai anggota masyarakat yang berjiwa budi pekerti yang luhur ekoran daripada intipati karya sastera yang berunsurkan Islam telah memberi sentuhan jiwa kepada masyarakat untuk lebih berwaspada dalam setiap hal.

#### **4.4.4 Memupuk Semangat Kerohanian Kepada Masyarakat**

Di samping itu, penerapan unsur Islam dalam karya sastera juga dapat memupuk semangat kerohanian kepada masyarakat. Kerohanian adalah sifat dalaman yang mampu merangsang perilaku seseorang melalui tindak tanduk yang dipertontonkan. Hal ini dikatakan demikian kerana, karya sastera kebanyakannya memaparkan kisah yang realiti dialami dalam kehidupan. Justeru itu, perkataan yang ditulis dan dilafaz melalui kata dapat menjadikan kehidupan bermasyarakat dilihat begitu tinggi dan saling menghormati antara satu sama lain. Pemaparan kisah-kisah yang brunsur Islam dapat menjadikan masyarakat mengambil peduli akan isu yang kian hangat berlaku dalam masyarakat. Secara tidak langsung penulisan karya sastera mampu mendidik jiwa agar tenang dan redha dalam mnghadpi ujian. Hubungan yang baik antara individu dan masyarakat dapat dibentuk dan dapat mewujudkan suasana yang harmoni tanpa adanya pergaduhan dan perasaan tidak cukup sesama sendiri.

#### **4.4.5 Memartabatkan Agama Islam Pada Pandangan Dunia**

Akhir sekali, penerapan unsur Islam dalam karya sastera juga dapat memartabatkan agama Islam pada pandangan dunia. Agama Islam sebagaimana yang diketahui umum, merupakan agama rasmi di negara Malaysia. Jadi, agama Islam mempunyai pengikut yang paling ramai. Penghasilan karya-karya sastera yang memasukkan elemen penerapan unsur Islam mampu mengangkat karya sebegini agar dipertontonkan oleh orang ramai. Secara terus negara negara besar di dunia dapat juga mengetahui betapa pentingnya unsur Islam.

### **4.5 Rumusan**

Novel Puteri Duyung karya Mohamed Jusoh dapat dilihat sepenuhnya memaparkan unsur-unsur Islam yang telah ditonjolkan dan juga dipaparkan dan dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian masyarakat. Unsur Islam yang telah dibawakan dalam novel ini juga dapat dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa yang melibatkan keagamaan dan juga ianya mempunyai kaitan dengan prinsip-prinsip teori Takmilah yang telah dinyatakan. Selain itu juga, unsur Islam yang terdapat dalam teks kajian novel Puteri Duyung ialah berdoa, menjaga batas pergaulan, mendengar kuliah Maghrib, solat, memberi salam. Oleh itu unsur tersebut dapat dilihat dalam teks Puteri Duyung dan boleh dijadikan rujukan kepada masyarakat pada masa kini.

## BAB 5

### RUMUSAN

#### **5.1 Pengenalan**

Bab lima sebelum ini membincangkan objektif kajian dengan lebih terperinci, dan garis panduan dan tetapan telah ditetapkan. Hasil daripada analisis yang dijalankan melalui kajian, menghuraikan dan menganalisis data, dirumuskan dalam bahagian rumusan ini. Selain itu, kesan atau implikasi akan dibincangkan dalam bahagian ini. Ia juga akan memberikan cadangan yang baik untuk membantu pengkaji akan datang dalam menjalankan kajian ini pada masa hadapan.

#### **5.2 Hasil Perbincangan**

Melalui pengenalan kajian ini, pengkaji telah memberikan maksud-maksud mengenai Islam dan juga maksud-maksud teori Takmilah mengikut prinsip-prinsip yang telah dinyatakan. Dalam perbincangan itu juga, pengkaji telah difahamkan bahawa unsur Islam ini juga merupakan sebuah unsur yang sangat penting dalam kehidupan masyarakat pada hari ini kerana masyarakat hari ini terlalu lalai dengan dunia dan tidak tahu tentang bagaimana untuk mendekatkan diri dengan ajaran-ajaran Islam yang telah ditetapkan. Teks Puteri Duyung ini juga telah dikarang oleh penulis yang sememangnya mempunyai unsur Islam untuk diketengahkan dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana perkara ini sangat penting agar hasil

karya yang telah dihasilkan tersebut bukan sahaja menjadi bahan bacaan semata-mata tetapi dapat dijadikan sebagai sumber rujukan, pengajaran dan juga teladan dalam masyarakat pada masa yang akan datang. Seterusnya pula, kajian yang telah dihasilkan ini juga sebenarnya untuk mengangkat unsur Islam berdasarkan teori Takmilah iaitu mengenai minat penulis terhadap sejarah Islam yang memaparkan perjuangan dia untuk meneruskan minat dalam kerjaya sebagai seorang guru sejarah.

Selain itu juga novel ini juga menceritakan tentang dunia yang fana, dunia dongeng dan juga masa silam. Ini sekaligus telah menjadikan pembaca dan juga pengkaji berfikir tentang kewujudan berlainan dunia melalui cerita-cerita yang dikarang oleh pengarang itu sendiri. Selain itu juga setiap bingkisan mengenai kehidupan yang telah dipaparkan dalam novel Puteri Duyung ini juga dapat memberikan nilai dan juga unsur yang baik dalam masyarakat pada masa ini serta dipertingkatkan lagi pada masa hadapan.

### **5.3 Implikasi Kajian**

Sudah jelas bahawa pemikiran dan idea Mohamed Jusoh dalam karya Puteri Duyung mempunyai tafsiran yang mendalam tentang elemen Islam, kerana beliau menulis karyanya dengan menggunakan ayat-ayat yang mengandungi konsep Islam. Cara penceritaan yang mempunyai makna Islam membuatkan para pembaca sedar dan ingin tahu tentang sifat-sifat Rabbani Rasullullah s.a.w. Selain itu, dilihat bahawa hasil daripada penulisan teks ini boleh meningkatkan kesedaran, pembangunan minda,

dan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan keindahan Islam dalam kehidupan masyarakat. Menurut teori Takmilah ini, unsur Islam adalah sebuah unsur yang diutamakan oleh agama Islam supaya penganutnya sentiasa mempelajari hukum-hakam Islam. Ini dikatakan kerana pembaca boleh memfokuskan pada unsur-unsur yang disampaikan dalam teks Puteri Duyong dan menilai secara bebas sama ada ia mempunyai kesan positif atau negatif. Text Puteri Duyong oleh Mohamed Jusoh bukan sekadar bahan hiburan dengan elemen fantasi dan dongeng kerana setiap bait perkataan mempunyai makna yang unik untuk pembaca. Karya ini dianggap dapat mengajar dan memberikan pengetahuan tentang Islam kepada semua orang untuk mereka gunakan dalam kehidupan seharian.

Semua pembaca yang membaca kisah ini harus mengakui bahawa kedua-dua penulis dan masyarakat mempunyai keupayaan yang luar biasa untuk menterjemahkan teks kepada sebuah penceritaan yang penuh dengan unsur-unsur Islam yang boleh memberi kesan kepada masyarakat. Oleh kerana prinsip Islam telah ditanam dalam minda seseorang, mereka boleh berfikir dengan lebih terbuka jika mereka ingin melakukan sesuatu yang salah jika mereka menggunakan prinsip Islam yang mereka pelajari daripada membaca teks Puteri Duyung. Di samping itu, hasil karya ini diharapkan dapat berfungsi sebagai penasihat terus kepada masyarakat untuk melihat dan menggunakan elemen Islam dalam kehidupan seharian mereka

Dengan adanya kajian berkaitan dengan unsur Islam ia dapat membantu seseorang itu lebih memahami dan menghayati ajaran dengan lebih mendalam dan menyeluruh Islam. Hal ini dikatakan kerana Islam adalah agama yang lengkap dan

sempurna. Selain itu, Islam juga mengajarkan orang Islam tentang cara beribadah kepada Allah, cara berakhhlak kepada sesama manusia, dan cara menjalani kehidupan di dunia dan akhirat. Oleh itu, Islam memainkan peran penting dalam membentuk rasa cinta kepada Allah SWT.

#### **5.4 Cadangan**

Antara cadangan yang dapat pengkaji kemukakan adalah pengkaji akan datang boleh membuat kajian iaitu kajian perbandingan antara novel Puteri Duyung dan karya lain dari segi aspek bahasa ataupun kesantunan akhlak. Keadaan ini membolehkan kajian dibuat secara meluas dan dapat membuka minda pengkaji untuk berfikir dan menghayati penggunaan bahasa yang digunakan mahupun aspek kesantunan. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung akan dapat membantu generasi akan datang dalam memahami betapa pentingnya novel yang berunsurkan agama sebagai pemberi nasihat dan pengajaran kepada pembaca.

Selain itu, agama ini sememangnya telah memberikan banyak sumbangan dan faedah kepada kehidupan dan peradaban manusia di dunia ini. Salah satu faedah dan sumbangan Islam kepada kehidupan dan peradaban manusia ialah ia dapat membentuk peribadi manusia yang berakhhlak mulia, dapat mengawal segala tingkah laku, dan dapat membentuk sistem kerohanian manusia yang baik. Arah yang lebih baik dicadangkan melalui teori Takmilah. Tambahan pula, menurut beberapa ahli psikologi moden dan klasik, Islam boleh membantu dalam pembentukan jiwa manusia,

membolehkan seseorang memahami erti kehidupan, matlamat akhir kehidupan, atau undang-undang Syariah. Mempunyai kefahaman yang jelas tentang Islam membolehkan seseorang itu menjalani kehidupan sehari-hari dengan ikhlas, fokus sepenuhnya kepada apa yang diyakininya. Oleh itu, apabila pengarang lebih banyak memaparkan elemen berkaitan Islam, ia juga secara tidak langsung dapat membuatkan pembaca teks novel ini tertanya-tanya tentang keindahan manusia Rabbani dan ciri-ciri khilafah yang ditonjolkan dalam teori tersebut.

Seterusnya, pengkaji mengakui adanya sedikit kelemahan. Hal ini dikatakan demikian kerana pada awalnya pengkaji menghadapi kesukaran untuk memahami satu-satu prinsip teori Takmilah yang terdapat dalam novel tersebut. Sesungguhnya maksud yang terselit diantara prinsip-prinsip teori itu mempunyai perkataan yang sama tetapi makna yang berbeza-beza. Namun, hasil daripada rujukan kajian lepas akhirnya kajian ini berjaya. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa akan ada pengkaji yang lain yang boleh membantu memperluas lagi kajian mengenai unsur Islam ini melalui pendekaran teori Taabudiyah. Malahan perkara ini secara tidak langsung juga akan membantu pengkaji dan pembaca untuk memahami isi kandungan teks novel dengan lebih mudah.

Selanjutnya, kajian penyelidikan ini dapat menjadi rujukan kepada pengkaji akan datang. Pentingnya rujukan ini kepada pengkaji akan datang kerana ianya dapat membantu pengkaji untuk memperoleh data yang tepat. Kajian yang mantap dari segi hujahan dan kesahihan sumber rujukan dapat menyokong kajian ini. Penggunaan rujukan yang sesuai dapat memberi gambaran bahawa kajian mereka

bersandarkan kepada prinsip-prinsip Islam yang sebenar. Oleh itu, para pengkaji amat memerlukan rujukan yang sahih dan benar serta bersesuaian dengan tajuk kajian agar tidak terpesong arah yang salah.

Di samping itu, salah satu cadangan yang dapat pengkaji usulkan adalah penyediaan bahan bacaan berunsur keagamaan yang banyak mengandungi nilai-nilai murni. Pihak sekolah perlu menambah stok buku yang baru dan alihkan buku-buku lama. Penyediaan novel berunsur Islamik mampu untuk mendidik akhlak pelajar ke arah yang lebih baik. Bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya. Oleh itu, didikan akhlak dan keagamaan perlu diterapkan dam diri semenjak mereka masih kecil.

Tambahan pula, cadangan oleh pengkaji adalah penyebaran maklumat yang dilakukan melalui penggunaan media sosial. Media sosial adalah alat komunikasi yang penting dan canggih pada ketika ini. Melalui penggunaan media sosial pengkarya dapat mempromosikan hasil karya mereka secara umum dan meluas. Penggunaan media sosial amat penting kepada penulis dan penerbit untuk mempromosikan karya-karya mereka. Sebagai contoh, mereka boleh menggunakan aplikasi Facebook, Instagram mahupun Tiktok agar gaya mempromosikan dapat dipelbagaikan ekoran dunia teknologi kini yang semakin berkembang pesat. Segala kemudahan telah disediakan dan penerbit dapat mempelbagaikan kaedah promosi novel bagi menarik minat masyarakat.

Pada waktu yang sama, pemilihan tajuk kajian mestilah menarik agar mampu mendorong masyarakat supaya berminat untuk mendapatkan bahan kajian ini sebagai rujukan. Tajuk kajian yang spesifik memberi gambaran bahawa kajian yang dilaksanakan berfokus kepada satu bahagian yang penting. Bahan kajian juga sebaiknya berkaitan dengan isu-isu semasa atau cabaran yang dihadapi oleh umat Islam di zaman moden. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui penerapan isu semasa, ianya dapat menarik minat masyarakat untuk mendapatkan ataupun menjadikan bahan kajian ini sebagai satu rujukan dan juga bahan bacaan. Dengan kaedah ini, tajuk kajian yang relevan akan lebih menonjol dan dipilih oleh para pengkaji. Sebagaimana yang diketahui umum, terdapat banyak dan lambakan bahan rujukan di media sosial yang terpapar dan memberi banyak pilihan kepada masyarakat untuk memilih rujukan yang sesuai dengan tajuk yang dibuat. Oleh itu, penggunaan tajuk yang spesifik mampu memudahkan pengkaji lain untuk mendapatkan bahan yang diingini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **5.5 Rumusan**

Sebagai penutup untuk kajian ini, pengkaji sangat berharap supaya kajian yang telah dilakukan boleh memberi sedikit impak dan juga kebaikan kepada orang yang membaca tidak kira golongan pelajar ataupun masyarakat berkaitan dengan unsur Islam dalam novel terutamanya novel Puteri Duyung untuk menyelami dengan lebih mendalam mengenai unsur-unsur Islam yang wujud. Selain itu juga permasalahan yang ditonjolkan dalam kajian ini bukanlah satu halangan ataupun rintangan untuk meneruskan kajian ini tetapi haruslah mengambil iktibar serta semangat untuk menyiapkan kajian ini supaya ia boleh memberi kebaikan kepada pembaca. Oleh itu juga teks sebegini perlulah menjadi daya tarikan kepada orang ramai bagi tujuan menyampaikan serta menyuarakan tentang idea terhadap pembaca tentang keistimewaan agama Islam di dunia ini. Oleh itu penulis pada masa kini haruslah berusaha bagi melahirkan karya yang baik bagi mengangkat martabat Islam pada tempat yang lebih mulia melalui masyarakat ini dan untuk masa hadapan. Seterusnya pengkaji ini meletakkan sebuah pengharapan supaya kajian sebegini akan memberikan satu pembaharuan ataupun kesedaran terhadap pembaca tentang wujudnya prinsip-prinsip teori Takmilah ini serta novel yang berunsurkan Islam ini juga boleh mendapat tempat di mata pembaca dan tidak dianggap sebagai novel yang suram dari segi intipatinya. Dengan itu juga masyarakat pada hari ini tidak kira golongan tua ataupun muda perlu memberikan sokongan yang baik untuk penulis novel pada hari ini supaya novel sebegini dapat diterbitkan dengan isi kandungan yang memboleh membentuk keperibadian yang mulia iaitu insan yang Rabbani sebagaimana seperti Rasulullah s.a.w mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

## 6.0 Rujukan

- Ahmad, Z., Wahid, A., & Ali, A. H. (2022). *Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil Membentuk Modal Insan dalam Novel Mereka yang Tertewas*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 10(2), 15-34.
- Ahmad, S. S. S., Saludin, M. R., & Ayob, A. (2019). *Aplikasi Teori Takmilah dalam Fara'id Al-Fawa'id Al-Fikra Fi Al-Imam Al-Mahdi*: Satu analisis kepimpinan Islam. International Journal of Islamic, Social, Economics, and Development (JISED), 4(17), 20-30.
- Alade, S. (2020). *Pertentangan Hukum Adat Dan Hukum Islam Di Minangkabau Dalam Novel Mencari Cinta Yang Hilang Karya Abdulkarim Khiaratullah (Tinjauan Sosiologi Sastra)*. Jambura Journal of Linguistics and Literature, 1(1).
- Anshari, L. (2018). *Analisis Unsur Sejarah Islam dalam Novel Khadijah: Ketika Rahasia Mim Tersingkap Karya Sibel Eraslan*. Master Bahasa, 6(1), 19-29
- Apandi, S. N. A. M., Junaidi, R., Zul, Z., Hussin, E. M., Saari, F. A., Jabar, N. A., ... & Sulaiman, N. (2022). *Pemaparan Jenis Akhlak Menerusi Kumpulan Puisi As-Salam Karya Suhaimi Haji Muhammad Berdasarkan Teori Takmilah*: The Potrayal of Moral Types Through As-Salam Poetry Based on The Works of Suhaimi Haji Muhammad using Takmilah Theory. PENDETA, 13(1), 47-57.
- Beden, S., & Sawek, R. W. M. Y. (2020). *Prinsip-Prinsip Takmilah: Manifestasinya dalam Buntat Mengembara ke Makkah*. In 7th International Conference On Islamic Education 2020 (icied 2020) (p. 286).
- Firwan, M. (2017). *Nilai Moral Dalam Novel Sang Pencerah Karya Akmal Nasrey Basral*. Jurnal Bahasa dan Sastra, 2(2), 49-60.
- Halim, U. I. A. S. A., & Mu'adzam Shah UniSHAMS, K. (2019). *Rawatan infertiliti patuh Maqasid Shariah dalam novel Cinta In Vitro karya Nik Hazlina Nik Hussain berdasarkan Teori Takmilah*.
- Hamzah, A. Z., & Ya, C. A. C. (2019). Novel Ibnu Ahmad Al-Kurauwi: *Manifestasi Hubungan Antara Manusia Dan Khalifah Di Bumi Allah*. Jurnal Wacana Sarjana, 3(1), 1-14.

- Hassan, F., & Yusoff, S. H. (2019). *Membangunkan Tema Filem Berunsur Islam Melalui Filem Bisik Pada Langit*. AL-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities.
- Ibrahim, N., & Shah, F. A. (2019). *Penerapan Unsur Islam Dalam Penulisan Naskhah Manuskip Melayu*.
- Ismantoro, F. (2020). *Nilai-Nilai Pendidikan Islam dalam Novel Sang Pangeran dan Janissary Terakhir Karya Salim A. Fillah* (Doctoral dissertation, Skripsi, Universitas Muhammadiyah Magelang).
- Kasmi, H. (2019). *Nilai-nilai kearifan lokal dalam novel Tempat paling sunyi karya Arafat Nur*. Jurnal Metamorfosa, 7(2), 161-169.
- Manas, R., Ali, A. H., & Din, G. (2021). *Elemen thriller Islam dalam novel ‘Bidadari Bermata Bening’Karya Habiburrahman El-Shirazy*. Rumpun Jurnal Persuratan Melayu, 9(1), 1-19.
- Masyhuda, H. M., & Iderasari, E. (2020). *Representasi Akidah dan Syariat Islam dalam Novel I Am Sarahza Karya Hanum Salsabiela dan Rangga Almahendra. Alayasastra*, 16(1), 1-22.
- Meutia, N. (2022). *Penceritaan Unsur Sejarah Islam Pada Cerita Berbingkai Dalam Novel Fatimah Azzahra Kerinduan Dari Karbala Karya Sibel Eraslan* (Doctoral dissertation, Universitas Pendidikan Indonesia).
- Osman, S., Ahmad, M. H. B., & Jalil, A. (2019). *Penggunaan unsur Islam dalam perniagaan: Analisa dari perspektif syariah*. AL-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities.
- Rosalia, G. (2018). *Nilai-Nilai Pendidikan Islam dalam Novel Dahlan Karya Haidar Musyafa* (Doctoral dissertation, IAIN Bengkulu).
- Yusof, M. H. M., Ramli, Z., & Samsudin, M. (2021). *Unsur-Unsuur Keislaman Pada Meriam Tradisional Melayu* (Islamic Elements On Traditional Malay Cannons). Asian Journl Of Environment, History And Heritage, 5(1)